

KEJAYAAN PENGURUSAN KOPERASI SEKOLAH
MENERAPKAN JATI DIRI KOPERASI DI KALANGAN
ANGGOTA KOPERASI SEKOLAH

FAUZIAH BINTI ISHAK

KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN KEPADA UUM COLLEGE OF
ARTS AND SCIENCES, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA SEBAGAI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN UNTUK IJAZAH
SARJANA SAINS (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

2011



Bidang Pengajian Pendidikan
UUM College of Arts and Sciences
(Universiti Utara Malaysia)

PERAKUAN PROJEK SARJANA
(Certification of Masters Project)

Saya yang bertandatangan di bawah, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certify that)

FAUZIAH BINTI ISHAK (NO. MATRIK : 802820)

Calon untuk Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan Pendidikan)
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk
(has presented his/her project paper of the following title)

KEJAYAAN PENGURUSAN KOPERASI SEKOLAH MENERAPKAN JATIDIRI

KOPERASI DI KALANGAN ANGGOTA KOPERASI SEKOLAH.

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.
(as it appears on the title page and front cover of project paper is acceptable in form and content and that a satisfactory knowledge of the field is covered by the project paper)

Nama Penyelia : **En. Shuhaili Shamsuddin**
(Name of Supervisor)

Tandatangan
(Signature)

Tarikh : **3 Februari 2011**
(Date)

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya saya jelaskan sumbernya.

Tarikh: 3 Februari 2011

Tandatangan:



Nama :FAUZIAH BINTI ISHAK

No. Matrik :802820

KEBENARAN MENGGUNA

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengijazahan program sarjana Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan Universiti mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan samada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran penyelia tesis ataupun Dekan CAS. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan-tujuan komersial dan membuat keuntungan adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Penyataan rujukan kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika sebarang bentuk rujukan dibuat ke atas tesis ini.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan tesis ini samada keseluruhan atau pun sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui :

Dekan CAS

Universiti Utara Malaysia

06010 Sintok

Kedah Darul Aman

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur dipanjatkan kehadiran Illahi kerana dengan limpah dan kurniaNya penyelidikan yang dijalankan ini dapat disiapkan sepenuhnya mengikut masa yang telah ditetapkan.

Tiada kata seindah bahasa yang dapat diucapkan melainkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pensyarah Pembimbing iaitu, En. Shuhaili B. Shamsuddin yang telah banyak memberi tunjuk ajar, cadangan serta bimbingan tanpa rasa jemu dalam menyiapkan penyelidikan ini. Ucapan terima kasih juga kepada Pengetua SMK Raja Puan MudaTengku Fauziah, SMK Syed Hassan, SMK Derma dan SMK Dato Syed Ahmad Perlis serta guru-guru dan pelajar yang telah banyak memberi kerjasama semasa kajian ini dijalankan.

Tidak dilupakan juga sekalung penghargaan kepada individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Semoga penyelidikan ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAKS

Kajian berbentuk deskriptif ini dijalankan untuk menilai tahap penerapan jati diri koperasi di kalangan anggota koperasi sekolah di sekolah rancangan khas Perlis . Aspek jati diri koperasi yang dikaji ialah definisi koperasi, nilai dan prinsip koperasi. Selain itu, tahap kejayaan koperasi sekolah juga turut dinilai bagi melihat hubungan antara kejayaan menerapkan jati diri koperasi dengan kejayaan koperasi sekolah. Seramai 114 orang anggota koperasi sekolah dari 3 buah sekolah rancangan khas di Perlis dijadikan sampel kajian. Instrumen kajian yang digunakan ialah satu set soal selidik yang mengandungi 44 item berdasarkan skop kajian. Soal selidik terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A, iaitu latar belakang responden dan Bahagian B merupakan item bagi aspek yang dikaji. Kebolehpercayaan soal selidik telah di uji dalam kajian rintis dan nilai Alpha Cronbach yang diperolehi ialah 0.93. Data diproses dan dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 16.0 (*Statistical package for Social Sciences*). Analisis data dibuat dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif (kekerapan, peratus dan min) untuk menilai tahap kefahaman definisi, penerapan nilai, pengamalan prinsip dan kejayaan koperasi. Manakala statistik inferensi iaitu, ujian korelasi dan analisa regresi linear mudah digunakan untuk melihat hubungan antara penerapan jati diri koperasi (definisi, nilai dan prinsip) dengan kejayaan koperasi sekolah. Hasil kajian mendapati bahawa koperasi sekolah telah berjaya menerapkan jati diri koperasi di kalangan anggota koperasi sekolah apabila tahap penerapan jati diri koperasi berada pada tahap yang tinggi (nilai min 4.15) . Walaubagaimanapun, kejayaan koperasi berada pada tahap sederhana (nilai min 3.62). Ujian korelasi menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan bagi setiap aspek jati diri koperasi iaitu definisi, nilai dan prinsip koperasi dengan kejayaan koperasi. Begitu juga analisa regresi linear mudah menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kejayaan penerapan jati diri koperasi dengan kejayaan koperasi. Walau bagaimanapun pengaruhnya agak rendah iaitu 29.4%. Sebagai kesimpulan, kejayaan penerapan jati diri koperasi merupakan satu faktor pada kejayaan gerakan koperasi sekolah.

ABSTRACTS

The aim of this descriptive study was to find out the level of achievement of Cooperative Identity Statement (CIS) had been imposed to the school cooperative member at cluster school. The component of CIS are definition, value and principle. Besides, the level of school cooperative achievement also being analysed in order to see the relationship between the success of CIS being imposed to its member and school cooperative achievement. 114 school cooperative members of school cooperative members from three cluster school at Perlis selected as a sample of a study. Research instrument used was a set of questionnaires with 44 items based on the research scope. The questionnaire was divided into two parts: part A, respondents' background and part B, the research scope of study. The questionnaire's reliability were tested on the initial research and an Alpha Cronbach value of 0.93 was achieved. Data was processed using SPSS version 16.0 (Statistical Package for Social Sciences). Research analysis were based on frequency, percentage and mean in order to evaluate the achievement level of CIS imposed to school cooperative member and school cooperative achievement level. While correlation test and simple regression analyse had been used to analysed the relationship between the success of CIS imposed and the school cooperative achievement. Study results' shows that the school cooperative management successfully imposed the CIS among its member. The level of achievement shows at high level (mean=4.15) .However, the achievement of school cooperative were moderate (3.62). Correlation test shows that, the relationship between the component of CIS (definition, value and principle) and the school cooperative achievement were significant. Furthermore, the simple regression analysis shows that the relationship of achievement of CIS imposed to its member and school cooperative achievement were significant. However, the contribution is low at 29.4%. Therefore, the success of CIS imposed to its member is a factor of school cooperative achievement.

KANDUNGAN

KEBENARAN MENGGUNA	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT (Terjemahan)	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	9
1.3.1 Objektif Am	10
1.3.2 Objektif Khusus	10
1.4 Soalan Kajian	10
1.5 Hipotesis Kajian	11
1.6 Kerangka Kajian	11
1.7 Kepentingan Kajian	12
1.8 Batasan Kajian	14

1.9	Definisi Konsep	15
1.10	Definisi Operasional	16
1.11	Rumusan	20
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR		
2.1	Pendahuluan	22
2.2	Konsep Pengurusan	22
2.3	Teori Pengurusan	23
2.4	Ulasan Literatur	25
2.5	Rumusan	28
BAB 3 METODOLOGI		
3.1	Pengenalan	30
3.2	Rekabentuk Kajian	30
3.3	Populasi dan Pensampelan	31
3.4	Instrumen Kajian	31
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	33
3.6	Kajian Rintis	34
3.7	Kaedah Penganalisan Data	35
3.8	Rumusan	36

BAB 4 HASIL KAJIAN

4.1	Pengenalan	37
4.2	Latar Belakang Subjek Kajian	38
4.3	Analisis Statistik Deskriptif Pembolehubah Kajian	40
4.4	Pengujian Hipotesis	56
4.4.1	Tahap kefahaman definisi koperasi	56
4.4.2	Tahap penerapan nilai koperasi	58
4.4.3	Tahap pengamalan prinsip koperasi	60
4.4.4	Tahap kefahaman anggota koperasi terhadap konsep jati diri koperasi	62
4.4.5	Tahap kejayaan koperasi	63
4.4.6	Hasil dapatan kajian berdasarkan persoalan kajian 2	65
4.4.7	Hasil dapatan kajian berdasarkan persoalan kajian 3	68
4.5	Rumusan	70

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	71
5.2	Ringkasan kajian	71
5.3	Dapatan dan perbincangan	72
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	79

5.5	Cadangan Kajian Masa Depan	81
5.6	Kesimpulan	82
RUJUKAN		85
LAMPIRAN A:	SOAL SELIDIK KAJIAN	89
LAMPIRAN B:	SURAT KEBENARAN KEMENTERIAN	
	PELAJARAN MALAYSIA	90
LAMPIRAN C:	SURAT KEBENARAN JABATAN PELAJARAN	
	NEGERI PERLIS	91
LAMPIRAN D:	OUTPUT STATISTIK KAJIAN	92

SENARAI JADUAL

JADUAL 3.1 :Dimensi Untuk Pembolehubah	32
JADUAL 3.2 :Kaedah Analisis Data	35
JADUAL 4.1 :Latar Belakang Responden	39
JADUAL 4.2 :Skala Penentuan Tahap Kefahaman Konsep Jati Diri Koperasi	40
JADUAL 4.3 :Item Definisi Koperasi	40
JADUAL 4.4 :Item Nilai Asas	43
JADUAL 4.5 :Item Nilai Etika	46
JADUAL 4.6 :Item Prinsip Koperasi	48
JADUAL 4.7 :Item Kejayaan Koperasi	53
JADUAL 4.8 :Definisi Koperasi	56
JADUAL 4.9 :Nilai Koperasi	58
JADUAL 4.10:Prinsip Koperasi	60
JADUAL 4.11:Tahap Penerapan Jati Diri Koperasi di Kalangan Anggota Koperasi Sekolah	62
JADUAL 4.12:Kejayaan Koperasi	64
JADUAL 4.13:Hubungan Antara Kejayaan Koperasi Dengan Aspek Jati Diri Koperasi	65

JADUAL 4.14:Hubungan Antara Kejayaan Koperasi Dengan Faktor	
Kefahaman Definisi Koperasi	66
JADUAL 4.15:Hubungan Antara Kejayaan Koperasi Dengan Faktor	
Penerapan Nilai Koperasi	67
JADUAL 4.16:Hubungan Antara Kejayaan Koperasi Dengan Faktor	
Pengamalan Prinsip Koperasi	67
JADUAL 4.17:Ujian Regresi Linear Mudah	69

SENARAI RAJAH

Rajah	Perkara	Halaman
1.1	Kerangka Teori Kajian	12
1.2	Aspek Dalam Jati Diri Koperasi	16
4.1	Tahap Kefahaman Definisi Koperasi	58
4.2	Tahap Penerapan Nilai Koperasi	60
4.3	Tahap Pengamalan Prinsip Koperasi	62
4.4	Tahap Penerapan Jati Diri Koperasi	63
4.5	Tahap Kejayaan Koperasi	65

BAB SATU

1.0 PENGENALAN

Bab ini akan menerangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, signifikansi kajian, batas kajian, soalan kajian, hipotesis, definisi konsep dan definisi operasional.

1.1 Latar Belakang Kajian

Koperasi sekolah adalah sebahagian dari gerakan koperasi negara. Di peringkat antarabangsa, koperasi sekolah di Malaysia adalah antara koperasi yang paling aktif dan maju dan berjaya jika di bandingkan dengan koperasi di seluruh dunia (Pelancar, Ogos 2010). Kejayaan pengurusan koperasi sekolah telah menjadikan Malaysia sebagai model terbaik pengurusan koperasi sekolah di Asia Tenggara. Justeru itu, beberapa negara termasuk Jepun, India dan Fiji telah datang ke Malaysia bagi mempelajari selok-belok pengurusan koperasi sekolah yang amat tersusun di bawah penyeliaan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Selain itu ada juga negara, iaitu Iran telah mengadakan perjanjian persefahaman (MoU) dengan Malaysia untuk melaksanakan satu program di bawah koperasi sekolah iaitu Pelancongan Koperasi Sekolah. (Utusan Malaysia, 29 Sept. 2010).

Kejayaan yang dicapai oleh koperasi sekolah ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa koperasi sekolah memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan kegiatan koperasi di Malaysia. Berdasarkan laporan dari SKM pada 31 Disember 2008, terdapat 54% koperasi pengguna di Malaysia, di mana 61% daripadanya merupakan koperasi sekolah. Koperasi sekolah merupakan salah satu daripada aktiviti kokurikulum di Sekolah Menengah. Ia telah ditubuhkan pada 1968 dan merupakan sebuah badan berkanun yang didaftarkan di bawah Undang-undang Malaysia Akta 502, Akta Koperasi 1993 di bawah

BAB SATU

1.0 PENGENALAN

Bab ini akan menerangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, signifikansi kajian, batas kajian, soalan kajian, hipotesis, definisi konsep dan definisi operasional.

1.1 Latar Belakang Kajian

Koperasi sekolah adalah sebahagian dari gerakan koperasi negara. Di peringkat antarabangsa, koperasi sekolah di Malaysia adalah antara koperasi yang paling aktif dan maju dan berjaya jika di bandingkan dengan koperasi di seluruh dunia (Pelancar, Ogos 2010). Kejayaan pengurusan koperasi sekolah telah menjadikan Malaysia sebagai model terbaik pengurusan koperasi sekolah di Asia Tenggara. Justeru itu, beberapa negara termasuk Jepun, India dan Fiji telah datang ke Malaysia bagi mempelajari selok-belok pengurusan koperasi sekolah yang amat tersusun di bawah penyeliaan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Selain itu ada juga negara, iaitu Iran telah mengadakan perjanjian persefahaman (MoU) dengan Malaysia untuk melaksanakan satu program di bawah koperasi sekolah iaitu Pelancongan Koperasi Sekolah. (Utusan Malaysia, 29 Sept. 2010).

Kejayaan yang dicapai oleh koperasi sekolah ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa koperasi sekolah memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan kegiatan koperasi di Malaysia. Berdasarkan laporan dari SKM pada 31 Disember 2008, terdapat 54% koperasi pengguna di Malaysia, di mana 61% daripadanya merupakan koperasi sekolah. Koperasi sekolah merupakan salah satu daripada aktiviti kokurikulum di Sekolah Menengah. Ia telah ditubuhkan pada 1968 dan merupakan sebuah badan berkanun yang didaftarkan di bawah Undang-undang Malaysia Akta 502, Akta Koperasi 1993 di bawah

Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK). Di bawah Seksyen 26, Akta Koperasi 1993 telah membenarkan pelajar yang berumur 12 tahun ke atas menjadi anggota koperasi. Ini bagi memastikan pelajar sekolah menengah dapat melibatkan diri dalam aktiviti koperasi. Sehubungan dengan itu Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengiktiraf koperasi sekolah sebagai salah satu daripada kegiatan kokurikulum melalui surat pekeliling KPM KP8591-Jld 11(22) bertarikh 8 Mei 1976 dan KP (BS) 8586/303/(57) bertarikh 20 April 1989. Selain itu surat pekeliling KP (BS/HEP)8586/014/(15) bertarikh 15 Mei 1999 juga telah dikeluarkan kepada semua Pengarah Pendidikan di semua negeri bagi memberi penjelasan mengenai kokurikulum koperasi sekolah. Pengiktirafan ini dibuat selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara yang ingin

“.....memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. ”

Gerakan koperasi sekolah ini juga merupakan salah satu aktiviti kokurikulum yang di anggap penting dalam Dasar Pelajaran 1979 sebagai aktiviti luar bilik darjah untuk

“.....mencapai, memupuk dan menanam perasaan kekitaan atau spirit de corps antara murid-murid pelbagai keturunan yang mempunyai latar belakang dan cara hidup yang berlainan. Ia juga bertujuan melatih murid-murid supaya bersikap bertanggungjawab. Kegiatan ini juga boleh melatih mereka berdisiplin, berdikari dan berkemahiran dalam suatu lapangan yang mereka sertai. ”

Sehingga kini, terdapat sebanyak 2090 buah koperasi sekolah, iaitu 96 peratus daripada jumlah 2181 buah sekolah di Malaysia telah mempunyai koperasi. Koperasi sekolah ini juga merupakan 30 peratus daripada jumlah koperasi di Malaysia dengan asetnya berjumlah RM264 juta dengan pusingan perniagaan atau turnover sebanyak RM141 juta.

Koperasi sekolah berupaya mendapat keuntungan bersih sebanyak RM 27 juta daripada modal syernya yang berjumlah RM18.8 juta yang dikumpul daripada anggota-anggotanya seramai 2 juta orang iaitu 30 peratus daripada 6.6 juta jumlah anggota koperasi yang terdiri daripada pelajar, guru dan kakitangan sekolah (Pelancar, 2009 Disember).

Merujuk pada bilangan koperasi sekolah, jumlah aset dan keuntungan yang diperolehi, ia jelas menunjukkan kejayaan gerakan koperasi sekolah di Malaysia. Melihat akan kejayaan yang dicatat oleh koperasi sekolah ini, banyak kajian telah dibuat untuk melihat kejayaan pengurusan koperasi sekolah. Antaranya kajian ke atas faktor-faktor yang menentukan kejayaan koperasi sekolah oleh Rohayati Ismail (1996). Kajian ke atas kejayaan pengurusan koperasi sekolah dalam menentukan ia suatu aset atau liabiliti oleh Che Mahmud Awang (1999). Terdapat juga kajian ke atas faktor-faktor yang mengekang kemajuan koperasi sekolah dari aspek modal, lokasi/ ruang, akta / peraturan dan produk/ perkhidmatan yang mempengaruhi kemajuan sesebuah koperasi sekolah oleh Abdul Wahab Bin Mat (1997).

Oleh kerana koperasi sekolah dilihat sebagai sebuah perniagaan, maka banyak kajian tertumpu pada aspek pengurusan sebuah organisasi perniagaan dalam menilai kejayaan sebuah koperasi sekolah. Jadi tidak hairanlah banyak istilah pengurusan perniagaan yang digunakan seperti kemahiran komunikasi, kemahiran pengurusan, masalah ruang, produk dan perkhidmatan sering menjadi tajuk perbincangan bagi satu-satu kajian yang melibatkan koperasi sekolah. Selain itu, aspek keusahawanan juga turut dikaitkan dengan koperasi sekolah sementelahan sekolah merupakan sebuah institusi pendidikan yang diharapkan dapat memupuk nilai keusahawanan di kalangan pelajar melalui aktiviti koperasi sekolah.

Merujuk pada situasi yang berlaku, kajian ini di adakan dengan tujuan untuk melihat kejayaan pengurusan koperasi sekolah di dalam menerapkan jati diri koperasi di kalangan

anggotanya yang sebahagian besarnya terdiri daripada pelajar. Dalam kajian ini, kejayaan koperasi sekolah akan dinilai dari aspek entiti koperasi yang berbeza dari perniagaan biasa, di mana kejayaan koperasi dilihat dari aspek objektif penubuhannya dan tidak pada aspek perniagaan.

1.2 Pernyataan Masalah

Koperasi adalah sebuah badan sosial yang terlibat dalam perniagaan untuk memberi perkhidmatan kepada anggotanya, tanpa mengira kedudukan, jantina, agama dan kawasan. Ideologi koperasi ini telah di bawa oleh Rochdale (1844). Gerakan koperasi adalah berbeza dengan perniagaan kerana gerakannya adalah berlandaskan prinsip-prinsip koperasi.

Mengikut Seksyen 4, Akta koperasi 1993, koperasi didefinisikan sebagai sebuah pertubuhan yang terdiri daripada beberapa individu dan matlamatnya adalah untuk meningkatkan ekonomi anggotanya mengikut prinsip-prinsip koperasi. Manakala kenyataan Jati Diri Koperasi yang diumumkan dalam Ikatan Koperasi Antarabangsa di Manchester United Kingdom pada 24 September 1995, koperasi didefinisikan sebagai satu pertubuhan yang berautonomi yang terdiri daripada orang yang bersatu secara sukarela bagi memenuhi keperluan sosioekonomi dan kebudayaan serta juga inspirasi yang sama menerusi aktiviti keusahawanan yang dipunyai bersama dan dikawal secara demokrasi. Menurut tokoh koperasi negara pula iaitu Professor Diraja Ungku Aziz, koperasi ialah satu kaedah menguruskan kegiatan ekonomi dengan cara tolong-menolong, bergotong-royong atau bekerja bersama-sama demi manfaat bersama. Berdasarkan ketiga-tiga definisi koperasi yang dinyatakan, ia menunjukkan bahawa gerakan koperasi adalah berbeza dari organisasi perniagaan yang lain kerana ia berlandaskan amalan bekerjasama demi kepentingan bersama tanpa menjadikan keuntungan sebagai matlamat utama penubuhannya.

Oleh kerana koperasi sekolah adalah sebahagian daripada gerakan koperasi yang tertakluk di bawah Akta Koperasi 1993, koperasi sekolah juga turut terikat dengan kenyataan Jati diri yang dibawa oleh Ikatan Koperasi Antarabangsa pada tahun 1995 dan Akta Koperasi 1993. Sungguh pun begitu, penilaian ke atas pencapaiannya perlu juga dilakukan seperti organisasi lain bagi memastikan kelangsungan tanggung jawab terhadap anggotanya.

Menurut Inder Kaur (2006) penilaian pencapaian koperasi kurang dilakukan kerana kejayaannya perlu dinilai dari dua sudut iaitu ekonomi dan sosial. Tetapi menurut Lluck, Gomes dan Jimenez (2006) kejayaan sesebuah koperasi adalah “memenuhi tujuan penubuhannya”. Oleh kerana tujuan penubuhan koperasi sekolah adalah untuk memberi didikan dan pendedahan dalam kegiatan koperasi pada pelajar, kejayaan koperasi sekolah perlu dinilai dari aspek penerapan jati diri koperasi di kalangan pelajar.

Ahmad Marzuki Ismail (2004) dalam bukunya “Jati Diri Dalam Gerakan Koperasi Sekolah” telah membincangkan secara terperinci tentang pengabaian penerapan jati diri koperasi di koperasi sekolah dan kesannya. Ini disebabkan pihak sekolah tidak memahami tujuan penubuhan koperasi sekolah yang seringkali di anggap sebagai kedai buku mengakibatkan pengabaian penerapan jati diri koperasi dikalangan anggota koperasi sekolah itu sendiri. Menurut beliau, perkara asas yang seringkali diabaikan oleh pihak pentadbiran sekolah ialah kaedah perlantikan guru yang memegang jawatan Setiausaha, Bendahari dan guru koperasi yang kebanyakannya dilantik tanpa melalui Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi. Keadaan ini akan menjadi bertambah buruk lagi apabila guru yang dilantik tersebut bukan dari kalangan anggota koperasi sekolah. Selain daripada melanggar undang-undang kecil koperasi, ia juga melanggar prinsip koperasi yang merupakan punca utama kenapa berlakunya pengabaian terhadap anggota koperasi dan kegagalan koperasi sekolah menunjukkan prestasi yang cemerlang. Kegagalan koperasi sekolah meningkatkan perkhidmatan pada anggotanya merupakan satu petunjuk kepada pengabaian penerapan jati

diri koperasi. Keadaan ini merupakan perkara biasa berlaku di koperasi sekolah apabila rekod daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menunjukkan banyak koperasi sekolah gagal mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang koperasi .

Akibat daripada tidak memahami konsep dan falsafah koperasi menyebabkan amalan berkoperasi tidak dilaksanakan dalam pengurusan koperasi sekolah. Ini dapat di lihat melalui amalan banyak sekolah yang mewajibkan setiap pelajar menjadi anggota koperasi dengan membuat pembayaran yuran atau syer sebagaimana yang ditetapkan oleh Undang-undang Kecil Koperasi tanpa diberi penerangan dan bimbingan tentang konsep dan falsafah berkoperasi. Keadaan ini menyebabkan anggota koperasi sekolah tidak aktif, tidak faham tujuan gerakan koperasi dan tidak tahu peranan mereka sebagai anggota koperasi sekolah.

Akibat tidak mengetahui akan kewujudan jati diri koperasi, penerapan nilai asas dan nilai etika koperasi tidak dapat diterapkan dikalangan anggota yang akan menggagalkan usaha meningkatkan penglibatan dan motivasi anggota koperasi. Ini dapat dilihat apabila kebanyakan anggota koperasi sekolah tidak diberi peluang untuk menjalankan tugas di koperasi secara sukarela membantu Ahli Lembaga Koperasi (ALK) yang sedia ada. Ini menyebabkan mereka tidak dapat menimba pengalaman dalam pengurusan koperasi.

Selain daripada itu jadual operasi juga tidak diketahui oleh anggota koperasi yang menyebabkan keyakinan anggota terhadap koperasi semakin berkurangan. Ketidakyakinan ini semakin berasas apabila didapati kebanyakan koperasi sekolah tidak dapat menyediakan penyata kewangan sebagaimana yang dikehendaki. Ini disebabkan sikap terlalu bergantung kepada ALK akibat daripada kurangnya penerapan nilai dikalangan anggota. Ketiadaan nilai seperti bekerjasama, permuafakatan dan toleransi di kalangan

anggota koperasi menyebabkan di kalangan anggota tidak mempunyai hubungan yang baik dan tidak mempunyai semangat berpasukan bagi memantapkan dan memajukan koperasi sekolah. Akibatnya aktiviti koperasi tidak mendapat sokongan dari ahli yang mengakibatkan kegagalan kepada koperasi sekolah.

Pengabaian jati diri koperasi yang ketiga iaitu prinsip koperasi menyebabkan aktiviti koperasi dilihat sama seperti organisasi perniagaan yang lain. Keuntungan maksimum bukanlah petunjuk kejayaan sesebuah koperasi sekolah sekiranya kejayaannya itu tidak melibatkan anggota yang ramai. Berbeza daripada organisasi perniagaan yang lain, penubuhan koperasi berlandaskan kepada tujuh prinsip koperasi yang telah digariskan dalam Ikatan Koperasi Antarabangsa pada tahun 1995. Pengabaian prinsip ini akan membuatkan objektif penubuhan koperasi sekolah tidak akan tercapai.

Umpamanya pengabaian prinsip pertama iaitu keanggotaan sukarela dan terbuka menyebabkan koperasi sekolah mempunyai anggota koperasi yang pasif. Keadaan ini dapat dilihat ketika membincangkan agenda Mesyuarat Agung Tahunan koperasi sekolah, dimana anggota koperasi sekolah bersifat pasif dan tidak mengemukakan cadangan bagi membuat penambahbaikan pada operasi dan pencapaian koperasi. Pengabaian prinsip ini juga menyebabkan anggota tidak peka akan syer atau modal yang mereka laburkan yang menyebabkan ramai anggota koperasi iaitu pelajar tidak menuntut balik modal atau syer yang mereka sumbangkan apabila mereka berpindah atau berhenti dari alam persekolahan. Ini menimbulkan masalah pada ALK untuk menguruskan syer-syer yang tidak dituntut ini.

Pengabaian prinsip kedua iaitu kawalan demokrasi oleh anggota akan menyebabkan anggota koperasi tidak dapat menggunakan hak mengundi dan tidak dapat merasakan suasana sebenar dalam demokrasi. Ini disebabkan banyak sekolah yang tidak mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Sekolah kerana masalah pengurusan dan kelemahan

menguruskan rekod sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang koperasi. Jika Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi sekolah diadakan pun, penglibatan pelajar amat kurang dalam membahaskan agenda yang dibentangkan dan tiada cadangan dikemukakan untuk penambahbaikan gerakan koperasi sekolah.

Pengabaian prinsip ketiga iaitu penglibatan ekonomi oleh anggota akan menyebabkan anggota kurang menjalankan urusan niaga di koperasi. Ketidaksetiaan anggota ini akan menyebabkan koperasi sekolah tidak mendapat keuntungan, mempunyai stok dan barangan yang berkualiti rendah. Ini menyebabkan sesetengah koperasi sekolah tidak berupaya memberi dividen kepada anggotanya. Sikap anggota sebegini menyebabkan pihak pentadbiran dan pengurusan koperasi sekolah tidak berminat untuk mengembangkan aktiviti ekonomi yang lain.

Pengabaian prinsip keempat iaitu autonomi dan kebebasan di mana berlakunya kegagalan koperasi sekolah melibatkan anggotanya dalam kegiatan ekonomi koperasi menyebabkan koperasi tidak menyediakan barangan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh anggota. ALK pula lebih banyak dipengaruhi oleh orang luar iaitu jurujual dalam menentukan jenis barang yang dijual. Ini jelas menafikan kebebasan anggota untuk membuat keputusan hingga adakalanya koperasi sekolah dijadikan pusat longgokan barang.

Pengabaian prinsip ke lima iaitu pendidikan, latihan dan maklumat akan menyebabkan anggota koperasi sekolah tidak tahu hak dan tanggungjawab mereka sebagai anggota dan menyebabkan aktiviti yang dijalankan oleh ALK tidak mendapat sambutan. Pengabaian prinsip kelima ini dapat di lihat apabila tiada papan kenyataan untuk menyampaikan maklumat kepada anggota berkaitan aktiviti, kemudahan perkhidmatan dan lain-lain. Ketiadaan kursus juga merupakan petunjuk pada pengabaian prinsip kelima yang akan mengakibatkan koperasi sekolah tidak mempunyai daya saing untuk memajukan koperasi.

Pengabaian prinsip ke enam iaitu bekerjasama antara koperasi akan menyukarkan anggota mengenalpasti kelemahan pengurusan koperasi sekolahnya berbanding dengan koperasi sekolah lain. Kurangnya kerjasama antara ahli gabungan koperasi sekolah juga akan menyebabkan ada pihak dari luar yang akan mengurangkan pengaruh gabungan koperasi di kalangan koperasi sekolah yang belum menjadi ahli.

Pengabaian prinsip ke tujuh iaitu prihatin terhadap masyarakat akan menyebabkan usaha kerajaan mewujudkan masyarakat yang prihatin dan penyayang tidak kesampaian. Penglibatan anggota koperasi sekolah dengan aktiviti kebajikan seperti menghulurkan bantuan kewangan kepada masyarakat luar, mengadakan lawatan muhibbah dan gotong-royong akan membolehkan anggota koperasi sekolah untuk mengenali antara satu sama lain bagi membangunkan koperasi sekolah dan dapat mendekatkan anggota koperasi sekolah dengan masyarakat luar.

Melihat akan kesan dan akibat pengabaian penerapan jati diri koperasi di kalangan anggota koperasi sekolah akan memberi kesan bukan sahaja kepada operasi koperasi sekolah itu sahaja tetapi turut memberi kesan ke atas peribadi seorang anggota koperasi sekolah dan pembentukan masyarakat dan negara pada masa hadapan. Oleh kerana pelajar merupakan golongan pelapis generasi akan datang, maka penerapan jati diri koperasi di kalangan anggota koperasi sekolah dilihat begitu penting dalam menilai kejayaan koperasi sekolah bagi menjayakan agenda koperasi negara pada masa akan datang. Oleh itu, kajian ini merupakan satu usaha pengkaji untuk mengenalpasti adakah terdapat usaha pihak pengurusan koperasi sekolah dalam menerapkan jati diri koperasi dalam menerapkan jati diri koperasi di kalangan anggotanya melalui amalan dan aktiviti koperasi di sekolah.

1.3 Objektif kajian

Kajian ini menetapkan satu objektif am dan tiga objektif khusus.

1.3.1 Objektif Am

Objektif am kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara penerapan jati diri koperasi dengan kejayaan koperasi sekolah. Kajian ini juga ingin mengenalpasti sama ada terdapat usaha pihak pentadbiran dan koperasi sekolah dalam menerapkan jati diri koperasi di kalangan pelajar melalui amalan dan aktiviti koperasi di sekolah.

1.3.2 Objektif Khusus

Kajian yang dijalankan ini mempunyai tiga objektif khusus seperti berikut:

- i) mengenalpasti sama ada anggota koperasi sekolah memahami definisi koperasi.
- ii) mengenalpasti sama ada amalan nilai koperasi diamalkan oleh anggota koperasi yang kebanyakannya terdiri daripada pelajar sekolah.
- iii) mengenalpasti sama ada pengurusan koperasi mengamalkan prinsip koperasi di dalam aktiviti koperasi.

1.4 Soalan kajian

Kajian ini dibuat untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- i) Adakah anggota koperasi (pelajar) faham definisi koperasi.
- ii) Adakah anggota koperasi (pelajar) mengamalkan nilai koperasi.
- iii) Adakah koperasi sekolah mengamalkan prinsip koperasi dalam pengurusan koperasi.

1.5 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif dan soalan-soalan kajian di atas, beberapa hipotesis nol telah dibentuk :

Ho1: Tidak terdapat hubungan antara pemahaman definisi koperasi dengan kejayaan koperasi.

Ho2: Tidak terdapat hubungan antara penerapan nilai koperasi dengan kejayaan koperasi.

Ho3: Tidak terdapat hubungan antara amalan prinsip koperasi dengan kejayaan koperasi.

Ho4: Tidak terdapat hubungan antara penerapan jati diri koperasi dengan kejayaan koperasi.

1.6 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual ini adalah berdasarkan pada pengalaman, pemerhatian dan pembacaan pengkaji daripada buku dan media massa tempatan. Di dalam menilai pelaksanaan penerapan jati diri koperasi, peranan, hak dan tanggungjawab anggota koperasi dijadikan landasan untuk menilai sejauh mana konsep jati diri koperasi diaplikasikan oleh anggota koperasi. Ini bermakna konsep jati diri koperasi dapat dilihat dari perlakuan anggota dalam memainkan peranannya sebagai anggota dan bagaimana anggota memenuhi hak dan tanggungjawabnya. Oleh kerana kejayaan koperasi dijadikan sebagai angkubah bersandar, maka item-item yang wujud dalam jati diri koperasi akan di jadikan angkubah tak bersandar seperti prinsip koperasi, nilai dan definisi koperasi. Keseluruhan soal-selidik ini adalah untuk menentukan sama ada faktor yang berkaitan

- a) Ia dapat menjelaskan bentuk pertubuhan koperasi yang berbeza dari organisasi perniagaan yang lain. Ini disebabkan tujuan penubuhannya adalah untuk menyediakan perkhidmatan kepada anggotanya dan tidak untuk memberi keuntungan kepada pemilik perniagaan.
- b) Setiap anggota koperasi sekolah memainkan dua peranan utama dalam gerakan koperasi, iaitu sebagai pemilik dan pelanggan koperasi. Oleh itu anggota koperasi sekolah mempunyai hak membuat keputusan berdasarkan proses demokrasi yang wujud dalam amalan dan prinsip koperasi untuk membuat keputusan demi kepentingan koperasi dan anggotanya.
- c) Dari aspek pengurusan, koperasi mempunyai sistem tadbir urusnya sendiri yang telah ditetapkan dalam prinsip koperasi.
- d) Ia merupakan garis panduan yang kekal dan bersifat sejagat di mana prinsip dan amalannya digunapakai dan diamalkan oleh koperasi di seluruh negara.
- e) Kefahaman dan penghayatan konsep jati diri koperasi ini akan mewujudkan semangat kerjasama dikalangan anggota kerana setiap syarat dan ketetapan yang dibuat perlu dipersetujui bersama.

Berdasarkan kepentingan yang wujud dalam konsep jati diri koperasi ini, pengkaji berharap kajian ini akan dapat:-

- a) Dijadikan panduan kepada pihak pentadbiran dan pengurusan koperasi, guru koperasi khususnya, dapat menilai tahap penerapan jati diri koperasi dikalangan anggotanya yang kebanyakannya terdiri daripada pelajar sekolah.
- b) Membantu guru-guru koperasi menentukan amalan dan aktiviti-aktiviti yang perlu dijalankan oleh koperasi dalam usaha menerapkan jati diri koperasi sekolah.
- c) Dijadikan panduan untuk menyelesaikan masalah yang wujud dalam koperasi sekolah.

- d) Memberi panduan kepada anggota koperasi sekolah akan hak dan peranan mereka sebagai anggota koperasi.

1.8 Batasan Kajian

Jati diri koperasi adalah satu bentuk amalan atau penghayatan kepada definisi, nilai dan prinsip koperasi. Jadi ia merupakan kaedah yang paling sesuai untuk dijadikan sebagai alat pengukur untuk menilai tahap kejayaan sebuah organisasi di institusi pendidikan seperti koperasi sekolah, walaupun ada diantara pihak pentadbiran dan pengurusan sekolah menilai kejayaan koperasi mengikut kadar keuntungan tahunan, pendapatan harian, anugerah yang dimenangi dan sebagainya (Ahmad Marzuki Ismail, 2004). Sehubungan dengan itu, kajian ini akan mengkaji sama ada terdapat usaha-usaha pihak pentadbiran dan pengurusan koperasi sekolah merancang aktiviti koperasi secara terancang, melibatkan anggota dalam membuat keputusan dan aktiviti urus niaga dan mengamalkan prinsip koperasi sebagaimana yang ditetapkan dalam Prinsip Koperasi Sedunia dan Akta Koperasi, 1993.

Oleh kerana kajian yang akan dijalankan ini hanya memberi tumpuan pada penerapan jati diri koperasi sebagai faktor penentu kejayaan koperasi sekolah, maka kejayaan koperasi sekolah yang akan dinilai tidak merujuk pada keuntungan, pendapatan harian dan bilangan anugerah yang diterima, tetapi lebih kepada bentuk amalan dan aktiviti yang dijalankan. Hasil dapatan kajian ini nanti hanya merujuk pada pengamalan dan aktiviti gerakan koperasi sekolah rancangan khas di Perlis sahaja. Jadi ianya tidak boleh dijadikan sebagai penanda aras kejayaan atau kegagalan koperasi sekolah secara keseluruhannya.

1.9 Definisi Konsep


Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), jati diri bermaksud sifat atau ciri unik dan istimewa (dari segi adat, bahasa, budaya, agama dsb.) yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu atau sesuatu bangsa dsb. Bagi sebuah organisasi, jati diri dilihat sebagai identiti sebuah organisasi. Ia dapat dinyatakan melalui ciri-ciri yang ada pada sebuah organisasi yang akan diterjemahkan dalam bentuk simbol, nilai dan perlakuan sebagai entiti bagi pertubuhan atau organisasi tersebut. Identiti yang diperlihatkan dalam organisasi tersebut adalah penting bagi memperlihatkan individu yang bersama organisasi tersebut mempunyai keperibadian tersendiri yang mungkin tidak sama dengan organisasi lain. Konsep jati diri telah digunapakai bagi memahami satu ciri khusus yang ada pada sesebuah organisasi dalam mewujudkan kerjasama di kalangan individu di dalam sesebuah organisasi sebagaimana yang terkandung dalam konsep jati diri koperasi.

Mengikut kenyataan Jati Diri, Ikatan Koperasi Antarabangsa (1995) koperasi didefinisikan sebagai satu pertubuhan yang berautonomi yang terdiri daripada orang yang bersatu secara sukarela bagi memenuhi keperluan sosioekonomi dan kebudayaan serta juga aspirasi yang sama menerusi usahawan yang dipunyai bersama dan dikawal secara demokrasi. Manakala mengikut Seksyen 4, Akta Koperasi 1993, Koperasi didefinisikan sebagai ekonomi suatu pertubuhan yang terdiri daripada orang individu dan yang matlamatnya adalah untuk meningkatkan ekonomi anggotanya mengikut prinsip koperasi. Tokoh Koperasi Negara iaitu Profesor Diraja Ungku Aziz mendefinisikan jati diri koperasi sebagai satu kaedah menguruskan ekonomi dengan cara tolong menolong, bergotong-royong atau bekerja bersama-sama demi manfaat bersama.

1.10 Definisi Operasional

Dalam kajian yang di jalankan ini, jati diri koperasi atau *Cooperative Identity Statement* (CIS) akan merujuk pada pemahaman kepada definisi koperasi, nilai-nilai dan prinsip koperasi sebagaimana yang telah dipersetujui dalam Kenyataan Jati Diri, Ikatan Koperasi Antarabangsa. Ia dapat digambarkan melalui rajah 1.2 di bawah.

Rajah 1.2 Aspek Dalam Jati Diri Koperasi



Sumber :Jati diri dalam gerakan koperasi sekolah , Ahmad Marzuki Ismail (2004)

Ini bermakna, untuk menerapkan semangat jati diri koperasi di kalangan anggota koperasi, setiap anggota perlu memahami definisi koperasi, nilai dan prinsip yang dibawa oleh koperasi.

Jika dirujuk pada definisi konsep bagi jati diri koperasi yang dinyatakan dalam Ikatan Koperasi Antarabangsa (1995), jati diri koperasi atau identiti sebuah gerakan koperasi adalah anggotanya. Ia secara tak langsung menyatakan bahawa anggota koperasi adalah pemilik koperasi dan bertanggung jawab menentukan halatuju koperasi berpandukan matlamat berkoperasi. Dengan memahami konsep dan falsafah koperasi ini, anggota akan memahami hak dan peranan mereka sebagai anggota koperasi untuk memajukan koperasi demi kebaikan sesama anggota.

Nilai jati diri koperasi pula merujuk pada nilai asas dan nilai etika. Nilai asas yang ingin diterapkan kepada anggota koperasi melalui penerapan jati diri koperasi ialah sikap bekerjasama, bertanggungjawab, demokrasi, perpaduan, kesaksamaan dan persamaan. Nilai asas ini merupakan nilai bertujuan untuk membentuk perilaku, peribadi individu, masyarakat dan organisasi.

Maksud nilai-nilai asas adalah seperti berikut:

a. Bekerjasama- bersatu hati atau bergabung tenaga untuk memajukan kegiatan koperasi demi kepentingan anggota-anggota dan ekonomi koperasi. Memikul tanggungjawab yang sama tidak kira berapa modal yang disumbangkan.

b. Bertanggung jawab - membuat keputusan melalui Mesyuarat Agung Tahunan, Mesyuarat Lembaga dan Mesyuarat Jawatankuasa. Bertanggungjawab meningkatkan sosioekonomi koperasi dengan menunjukkan kesetiaan terhadap koperasi melalui pembelian yang dibuat di koperasi dan melaksanakan tugas sebagaimana yang ditetapkan. Antara tugas yang perlu dilaksanakan ialah urusan jual beli barang sebagaimana yang dijadualkan, mengira dan menyerahkan wang jualan kepada Bendahari, merekod jualan harian koperasi dan lain-lain.

c. Demokrasi - mempunyai hak yang sama dalam membuat keputusan. Contohnya setiap anggota mempunyai hak untuk membuat pencalonan Ahli lembaga Pengarah melalui Mesyuarat Agung Tahunan melalui undian.

d. Perpaduan - semangat setia-kawan. Contohnya saling membantu melalui berkoperasi.

e. **Kesaksamaan** - satu sistem yang adil dan saksama dalam menjalankan setiap aktivitas dan tidak berat sebelah dalam membuat keputusan melalui pengagihan manfaat yang diperoleh.

f. **Persamaan** - memikul tanggungjawab yang sama tidak kira berapa modal yang disumbangkan. Setiap anggota mempunyai satu undi dalam membuat keputusan.

Nilai etika pula merujuk pada perubahan tingkah laku anggota koperasi sekolah melalui penglibatan dalam aktiviti yang dijalankan oleh koperasi. Kejayaan pelajar menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan dalam meningkatkan prestasi koperasi sekolah merupakan petunjuk kepada kejayaan penerapan nilai etika dalam diri anggota koperasi atau pelajar itu sendiri. Antara nilai etika yang menjadi pegangan koperasi ialah:

- a. **Siddiq** - melaksanakan tugas dengan niat yang benar, betul, jujur dalam tutur kata dan tingkah laku atau tidak bohong.
- b. **Amanah** - melaksanakan tugas yang diserahkan dengan jujur dan bertanggungjawab sama ada terhadap modal, harta dan kepercayaan.
- c. **Ketulusan** - menjalankan tugas dengan ikhlas tanpa mengharapkan ganjaran.
- d. **Sikap penyayang** - menyayangi antara satu sama lain dengan cara bekerjasama, hormat-menghormati dan saling bantu-membantu disamping perihatin terhadap persekitaran.

Aspek ketiga dalam jati diri koperasi ialah prinsip koperasi yang telah dibentuk pada tahun 1922 di Kongres Kerjasama Dunia Pertama dengan mengemukakan enam prinsip koperasi dan telah dikemaskini di Kongres 1937 di Paris dan di Kongres 1963 di Vienna. Dan pada 1995, Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) telah meluluskan tujuh prinsip koperasi sebagai panduan bagi gerakan koperasi.

1-Keanggotaan Sukarela Dan Terbuka

Sesiapa saja boleh menganggotai koperasi tanpa mengira bangsa, agama dan jantina. Seseorang itu juga tidak boleh dihalang dari berhenti menjadi anggota koperasi. Perletakan jawatan perlu terlebih dahulu melalui proses yang ditentukan dalam Akta Koperasi.

2- Kawalan Demokrasi Oleh Anggota

Pemilihan Ahli Lembaga Koperasi (ALK) , urusan kewangan dan isu-isu dasar koperasi perlu dibincangkan dan diputuskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi. Setiap anggota mempunyai satu undi tanpa mengira modal syer yang dimiliki.

3- Penglibatan Ekonomi Oleh Anggota

Setiap anggota koperasi bersama-sama menyumbang dan mengawal modal secara demokrasi untuk menyediakan perkhidmatan dan kemudahan. Perkhidmatan atau kemudahan yang disediakan hendaklah diguna oleh anggota-anggota koperasi.

4- Autonomi Dan Kebebasan

Anggota koperasi mempunyai hak sepenuhnya ke atas pentadbiran dan pengurusan koperasi tanpa campur tangan daripada pihak luar. Koperasi adalah sebuah organisasi yang bebas dan berdikari.

5- Pelajaran, Latihan Dan Maklumat

Koperasi sentiasa menggalakkan anggotanya untuk melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran agar mereka dapat melibatkan diri dengan berkesan dalam koperasi.

6- Bekerjasama Di Antara Koperasi

Koperasi perlu membantu antara satu sama lain melalui kerjasama sama ada di peringkat setempat, nasional, serantau atau antarabangsa. Koperasi-koperasi boleh bergabung untuk membeli secara borong daripada kilang pengedar untuk mendapat kadar diskaun yang lebih besar.

7- Berprihatin Terhadap Masyarakat

Koperasi sentiasa menjaga kebajikan anggotanya dengan menolong mereka yang dalam kesusahan disamping melindungi alam sekitar dan binatang yang menghadapi kepupusan. Oleh itu, koperasi perlu peka akan keperluan masyarakat setempat.

Dengan memahami konsep jati diri koperasi ini, di harap anggota koperasi dapat mengamalkan dan menghayatinya dalam amalan berkoperasi. Oleh itu untuk menjayakan jati diri koperasi, koperasi perlu melaksanakan program pendidikan dan pembangunan manusia kepada anggotanya bagi mendedahkan anggota akan kewujudan dan kepentingan konsep jati diri ini untuk difahami, diamalkan dan dihayati oleh anggota koperasi.

1.11 Rumusan

Gerakan koperasi sekolah merupakan satu organisasi yang mempunyai matlamat dan hala tuju yang jelas. Oleh itu, kejayaan pengurusan koperasi sekolah menerapkan jati diri koperasi di kalangan anggota koperasi sekolah adalah satu usaha dalam membentuk individu sebagaimana yang dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Negara. Dengan memahami definisi koperasi, pelajar dapat membezakan gerakan koperasi dengan aktiviti kedai buku di sekolah. Melalui penghayatan nilai-nilai murni yang diterapkan dalam aktiviti koperasi, anggota koperasi akan lebih bertanggungjawab dan berketrampilan. Manakala pengamalan prinsip koperasi akan mendedahkan anggota koperasi kepada konsep hidup bekerjasama sebagaimana yang dihasratkan dalam gerakan koperasi. Justeru

itu, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk menilai tahap penerapan jati diri koperasi di kalangan anggota koperasi sekolah dan hubungannya dengan kejayaan koperasi sekolah . Hasil kajian ini nanti akan dijadikan landasan untuk menjayakan agenda koperasi di Malaysia yang bermula dengan gerakan koperasi sekolah.

BAB DUA

2.0 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan mengulas beberapa kajian yang telah dibuat ke atas koperasi sekolah dan kajian yang berkaitan dengannya. Sebagai sebuah organisasi yang ditubuhkan secara sah dari undang-undang koperasi dilihat sama seperti organisasi lain dan seringkali dibuat kajian akan kepimpinan, pengurusan, faktor kejayaan dan sebagainya. Walau bagaimanapun tidak banyak kajian di lakukan ke atas koperasi sekolah.

2.2 Konsep Pengurusan

Jati diri koperasi adalah identiti koperasi. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan koperasi untuk mencapai objektif gerakan koperasi sebagaimana yang dihasratkan. Pengurusan adalah seni untuk mencapai sesuatu melalui orang lain (Mary Parker Follet, 1868-1933). Peter Drucker (1772) pula mengatakan bahawa pengurusan adalah satu proses sosial yang dibentuk untuk mencapai sesuatu matlamat atau objektif yang paling berkesan. Pada amnya, pengurusan adalah proses perancangan, penyusunan, pengarahan dan pengawalan usaha ahli-ahli organisasi dan menggunakan semua sumber organisasi untuk mencapai matlamat organisasi.

Menurut Henri Fayol, pengurus mempunyai lima fungsi iaitu merancang, mengatur, mengarah, menyusun dan mengawal. Henry Mintzberg pula telah mengenal pasti 10 tugas pengurus yang berbeza dan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:- perhubungan interpersonal, pertukaran maklumat dan pembuat keputusan. Bagi membolehkan pengurus mencapai matlamat organisasi Robert Karz telah mengenalpasti 3 kemahiran utama bagi seseorang pengurus iaitu kemahiran teknikal, manusia dan konsepsi. Hasil kajian Fred

Mutton terhadap 450 orang pengurus mendapati bahawa pengurus melaksanakan 4 aktiviti pengurusan yang utama iaitu:

- a) Pengurusan tradisional: membuat keputusan, merancang dan mengawal.
- b) Komunikasi : menukar maklumat secara rutin dan menyediakan kertas kerja.
- c) Pengurusan sumber manusia: memotivasi, memberi tunjuk ajar, mengatasi masalah, mengambil pekerja dan memberi latihan kepada mereka.
- d) Rangkaian perhubungan : tugas-tugas sosial, politik dan berinteraksi dengan masyarakat luar.

Berdasarkan kajian pengurusan dan dari pengalaman seorang pengurus, David Kwok iaitu graduan 1987 dari Universiti Carlifornia Los Angeles mendapati bahawa seorang pengurus perlu mengurus pekerja dan perlu kepada kemahiran manusia (Stephen P. Robins, 2000).

2.3 Teori Pengurusan

Menurut Deming (1986), pihak pengurusan adalah orang yang bertanggung jawab menjadi pemimpin dalam pelaksanaan pengurusan kualiti sesebuah organisasi. Pengkaji-pengkaji dalam bidang pengurusan kualiti mendefinisikan pengurusan kualiti sebagai satu amalan pengurusan yang mengandungi satu set faktor-faktor yang mesti wujud secara bersama (Ahire et al., 1996). Antara faktor-faktor kritikal yang perlu wujud dalam pengurusan kualiti ialah komitmen pengurusan, tumpuan pelanggan, pengurusan sumber manusia, penambahbaikan berterusan dan sistem maklumat kualiti. Pengurusan kualiti adalah satu strategi penting untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan sesebuah organisasi (Arawati, 2005).

Matlamat utama pengurusan kualiti adalah untuk memuaskan hati para pelanggan. Bagi koperasi sekolah, pelanggannya adalah anggota koperasi itu sendiri. Oleh itu pihak

pengurusan koperasi perlu memberikan sokongan terhadap setiap aktiviti yang melibatkan aktiviti anggotanya (Black & Porter,1996). Penambahbaikan berterusan juga perlu di buat bagi memuaskan hati anggota koperasi dengan menambah baik amalan yang dilakukan oleh pihak pengurusan (Beravent ei. Al,2005).

Selain daripada pengurusan kualiti amalan “total quality management (TQM)” atau pengurusan kualiti menyeluruh juga turut diamalkan dalam pengurusan. TQM adalah falsafah pengurusan yang berpandukan kepada tahap kepuasan pengguna yang berterusan, melalui penambahbaikan bagi setiap proses. TQM memberi kesan kepada organisasi kerana ia memerlukan pekerja berfikir semula tentang apa yang mereka lakukan dan turut melibatkan diri dengan pembuatan keputusan di tempat kerja. Ini selari dengan gerakan koperasi sekolah di mana anggota koperasi perlu membuat keputusan yang melibatkan setiap aktiviti koperasi. TQM merujuk pada amalan tumpuan kepada pelanggan, kemajuan berterusan, peningkatan kualiti, pengukuran yang tepat dan pemberian kuasa kepada pekerja (Stephen P. Robins, 2000).

Bagi memastikan kelangsungan bagi sesebuah organisasi pihak pengurusan organisasi perlu mengamalkan pengurusan strategik. Pengurusan strategik adalah merujuk kepada proses formulasi strategi, pemilihan strategi dan implementasi strategi (Fidler,2002) yang terbaik untuk tindak balas pada persekitaran yang dinamik (Allison & Kyle, 2004). Pengurusan strategik digunakan dalam membuat tindakan untuk mengatasi tindakan yang sedang atau yang akan dilakukan oleh pesaing (Steiner, 1979). Ia merangkumi masa depan organisasi yang meliputi visi, misi, objektif dan kaedah atau tindakan yang perlu diambil untuk melaksanakan strategi tersebut. Pengurusan strategik ialah proses formulasi perancangan strategik dan implementasi strategi.

Pengurusan strategik perlu diamalkan oleh koperasi sekolah kerana persekitaran luaran yang sentiasa berubah yang akan mempengaruhi keperluan dan kehendak anggotanya. Bagi membolehkan ia bersaing dengan koperasi lain dan organisasi swasta di luar pihak pengurusan koperasi sekolah perlu membuat analisis keperluan anggotanya dan seterusnya menyusun strategi bagi memenuhi kehendak anggotanya. Selain itu, perubahan pemimpin yang selalu dalam koperasi sekolah akibat pertukaran guru akan menjejaskan perancangan jangka panjang. Situasi ini akan menjejaskan perancangan baik yang telah pun dirancang oleh pemimpin yang lepas. Masalah ini dapat diminimumkan dengan adanya pengurusan strategik, kerana modul pengurusan strategik telah dibuat secara bersama, sistematik dan direkodkan untuk dijadikan panduan kepada sesiapa sahaja dalam koperasi tersebut.

Dengan mengamalkan amalan pengurusan yang baik, gerakan koperasi sekolah akan dapat bersaing dengan organisasi swasta di luar. Untuk itu koperasi sekolah perlu ada pasukan pengurusan yang baik untuk memperolehi kejayaan. Akan tetapi pasukan pengurusan yang baik hanya akan wujud jika pasukan pengurusan koperasi mempraktikkan prinsip koperasi di samping prinsip pengurusan (Hayati, 1992). Oleh itu, pihak pengurusan koperasi sekolah perlu menerapkan jati diri koperasi di kalangan anggotanya bagi mewujudkan satu pasukan pengurusan yang baik bagi kejayaan koperasi sekolah.

2.4 Ulasan Literatur

Kajian literatur yang di lakukan oleh Sushila Devi Rajaratnam dan rakan-rakan dalam *“Factors influencing the performance of cooperatives in Malaysia : A tentative framework”* mendapati bahawa kejayaan koperasi diukur dari sudut kewangan seperti

keuntungan, kecekapan dan kecairan (Lhesnich, 2005) kerana koperasi dilihat berfungsi sebagai organisasi perniagaan. Walau bagaimanapun, oleh kerana koperasi bukanlah organisasi yang berasaskan keuntungan pengukuran kejayaan koperasi perlu dilihat atau diukur dari aspek kewangan dan bukan kewangan (Boyer, Creech & Pass 2008). Ada juga kajian (Hussain, Gunasekaran dan Islam, 2002) mencadangkan supaya faktor bukan kewangan diberi perhatian yang lebih berbanding faktor kewangan kerana tujuan koperasi adalah untuk bertanggung jawab terhadap anggotanya.

Dari aspek bukan kewangan, kejayaan koperasi dapat dinilai dari:

- a) kepuasan anggota (Amiri & Ramezani, 2008)
- b) peningkatan keanggotaan (Carr, Kariyawasam & Casil, 2008)
- c) kelangsungan hayat koperasi (Brynis, Carl et al. 2008)

Ini menunjukkan bahawa kejayaan sesebuah koperasi itu dapat dilihat dari pelbagai sudut. Sungguhpun begitu, pembatalan pendaftaran Koperasi Nasional Sekolah (KPS) pada tahun 1988 adalah kerana ia gagal mengamalkan jati diri koperasi dalam membuat dasar dan keputusan koperasi (Ahmad Marzuki Ismail, 2004). Ini menunjukkan betapa pentingnya amalan jati diri koperasi dalam menjayakan agenda koperasi.

Rohayati Bt. Ismail (1996) dalam kajiannya “kejayaan pengurusan koperasi sekolah di kalangan guru koperasi sekolah-sekolah menengah di Kubang Pasu Darul Aman: satu analisis” telah mengkaji faktor-faktor yang menentukan kejayaan pengurusan koperasi di kalangan guru-guru koperasi sekolah. Antara faktor yang dikaji ialah kemahiran pengurusan dengan kejayaan pengurusan koperasi, hubungan pengetahuan dan pengalaman perniagaan dan kejayaan pengurusan koperasi sekolah dan hubungan kemahiran komunikasi dengan kejayaan pengurusan koperasi sekolah. Hasil kajian

mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara kemahiran pengurusan dan kemahiran komunikasi dengan kejayaan koperasi sekolah. Walau bagaimana pun tiada hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan pengalaman perniagaan dengan kejayaan pengurusan koperasi. Ini mungkin disebabkan guru-guru yang terlibat dengan pengurusan koperasi terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran perdagangan dan prinsip akaun. Oleh itu pengkaji mencadangkan supaya prinsip perniagaan koperasi didedahkan kepada anggota koperasi kerana ia berbeza dengan jenis perniagaan yang lain.

Kajian ke atas koperasi sekolah tidak berhenti di situ saja apabila ada lagi kajian yang menilai kecemerlangan koperasi sekolah bagi menentukan sama ada ia merupakan aset atau liabiliti kepada sekolah terbabit. Kajian yang dibuat oleh Che Mahmud Bin Awang (1999) turut mengkaji kemahiran pengurusan, kemahiran komunikasi lisan dan penulisan dengan kejayaan pengurusan koperasi sekolah. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan positif antara kemahiran komunikasi lisan dan penulisan dan kemahiran pengurusan dengan kejayaan pengurusan koperasi sekolah.

Selain daripada mengkaji faktor kejayaan pengurusan koperasi sekolah, kajian ke atas peranan koperasi dalam kokurikulum sekolah juga turut dibuat. Antara kajian yang begitu popular ialah peranan koperasi dalam mendidik pelajar dari aspek keusahawanan. Kajian persepsi pelajar aliran teknikal di salah sebuah sekolah menengah di Johor Bahru terhadap bidang keusahawanan oleh Ismail Bin Ibrahim (2007) mengkaji apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pengetahuan keusahawanan di kalangan pelajar. Antara faktor yang dikaji ialah naluri yang ada dalam diri pelajar yang berkaitan dengan bidang keusahawanan seperti ciri-ciri peribadi usahawan, minat dan pengalaman usahawan, tahap pengetahuan asas perniagaan dan pengetahuan pelajar terhadap peluang kerjaya usahawan. Hasil kajian menunjukkan bahawa tanggapan pelajar terhadap bidang

keusahawanan adalah tinggi. Sehubungan dengan itu, penyelidik mencadangkan supaya pengetahuan pelajar berkaitan dengan bidang keusahawanan perlu diterapkan dalam diri pelajar secara teori dan amali melalui aktiviti koperasi.

Selain daripada mengkaji persepsi dan minat pelajar terhadap bidang keusahawanan, kajian ke atas kesediaan pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan di kalangan pelajar tingkatan 4 di sekitar Sekudai telah dilakukan oleh Sopiah Binti Bohari (2008). Berbeza dengan Ismail Bin Ibrahim, selain daripada mengkaji persepsi dan minat pelajar terhadap bidang keusahawanan, pengkaji juga mengkaji minat pelajar terhadap mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan dan dorongan ibu bapa. Hasil kajian menunjukkan faktor minat terhadap mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan dan faktor dorongan ibu bapa adalah rendah berbanding dengan minat dan persepsi pelajar terhadap bidang keusahawanan. Sebagaimana Ismail Bin Ibrahim, Sopiah Binti Ibrahim juga mencadangkan supaya koperasi memainkan peranan sebagai tempat untuk mendorong pelajar ke arah bidang keusahawanan. Ini adalah kerana “koperasi merupakan platform terbaik sekolah untuk melatih pelajar dengan amalan perniagaan sebenar khususnya dalam bidang keusahawanan kerana aktiviti yang dijalankan adalah berbentuk realiti” menurut Dato’ Sri Ismail Sabri Yaakob dalam ucapannya di Anugerah Koperasi Sekolah Terbaik HKS/PKS 2009 dan Konvensyen Pembudayaan Keusahawanan Koperasi di Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam (Wan Adlina Wan Ahmad, 2009).

2.5 Rumusan

Kajian-kajian yang di buat ke atas koperasi sekolah kebanyakannya hanya merujuk kepada fungsi koperasi dan operasi koperasi. Namun demikian kurang kajian di buat ke atas sejauh mana aktiviti koperasi bagi menghayati falsafah penubuhan sebuah koperasi melalui amalan prinsip koperasi. Oleh itu bagi memperkukuhkan lagi gerakan koperasi

sekolah, kajian keatas penghayatan jati diri koperasi ini diharap dapat mengenalpasti terdapat usaha dalam menerapkan jati diri koperasi di kalangan pelajar sekolah.

BAB TIGA

3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan bagaimanakah kajian ini dijalankan, apakah reka bentuk, populasi dan sampel kajian, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, cara pungutan data, cara analisis data dibuat.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti aktiviti dan amalan koperasi sekolah yang dapat menerapkan jati diri koperasi dikalangan anggota koperasi sekolah yang terdiri daripada pelajar. Justeru itu rekabentuk tinjauan dipilih bagi membantu pengkaji dalam usaha untuk mendapatkan maklumat dan penilaian data supaya menepati objektif kajian. Rekabentuk ini dipilih berdasarkan kemampuannya untuk menerangkan bentuk amalan dan aktiviti koperasi sekolah. Rekabentuk tinjauan merupakan satu bentuk pengutipan data yang telah dirancang bagi tujuan meramal, membuat pemerihalan dan menganalisis pembolehubah-pembolehubah dalam kajian. Disamping itu, ia juga boleh diguna untuk meninjau kepercayaan, pendapat, sikap, motivasi dan tingkah laku subjek yang dikaji.

Menerusi rekabentuk ini, instrumen pengumpulan data yang sering digunakan adalah soal-selidik. Menurut Sekaran (1992), kaedah ini merupakan kaedah yang terbaik kerana data yang dipungut mengambil masa yang singkat. Hanya sebilangan responden sahaja yang dipilih bagi menjawab satu set soal-selidik yang mengandungi satu rentetan soalan tertutup yang telah dibina khas untuk mengumpul data bagi mencapai objektif kajian. Justeru itu bagi menguji kebolehpercayaan alat ukuran yang digunakan dan kaedah menganalisis data keseluruhan kajian ini akan fokus pada item yang dikaji sahaja. Soal-selidik yang sama

akan digunakan untuk semua responden bagi memastikan keseragaman dalam jawapan yang diberi bagi memudahkan proses penganalisan data nanti.

3.3 Populasi dan sampel

Kajian ini akan dijalankan ke atas koperasi sekolah di 3 buah sekolah rancangan khas di negeri Perlis. Sampel kajian adalah terdiri daripada 100 anggota koperasi sekolah iaitu pelajar. Saiz sampel 100 orang dipilih kerana menurut Bailey (1987) dan Lazerwitz (1968) saiz sampel sebanyak 100 adalah mencukupi untuk menghasilkan sesuatu analisis yang bermakna (Sabitha, 2006). Pemilihan subjek kajian berdasarkan persampalen bertujuan atau "*purposive sampling*". Kaedah ini digunakan untuk meningkatkan nilai maklumat yang dikehendaki oleh pengkaji berkaitan dengan aspek yang dikaji.

Kajian ini akan dijalankan terhadap anggota koperasi sekolah bagi mengenalpasti amalan dan aktiviti yang dijalankan oleh koperasi sekolah. Melalui aktiviti dan amalan yang dijalankan, pengkaji akan menilai sama ada terdapat usaha pihak pentadbiran dan pengurusan koperasi dalam menerapkan jati diri koperasi di kalangan pelajar. Melalui kajian ini, anggota koperasi terbabit akan diberi soal selidik yang sama bagi memudahkan analisis dibuat bagi aspek yang dikaji.

3.4 Instrumen Kajian

Untuk mencapai objektif kajian, pengkaji akan menyediakan satu soalselidik yang mengandungi 2 bahagian seperti berikut:

Bahagian A : Maklumat demografi /butiran peribadi responden

Bahagian A dalam soal selidik ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat butiran peribadi responden supaya satu gambaran tentang latar belakang responden diperolehi.

Antara item-item dalam bahagian ini ialah jantina, umur ,bangsa, sumber maklumat koperasi dan tahun menjadi ahli koperasi sekolah.

Bahagian B: Faktor-faktor penerapan jati diri koperasi

Bahagian utama soal selidik iaitu bahagian B dibahagikan kepada empat bahagian iaitu:

- i) Definisi koperasi
- ii) Amalan nilai koperasi dalam aktiviti koperasi sekolah
- iii) Amalan prinsip koperasi dalam aktiviti koperasi sekolah
- iv) Tahap kejayaan pengurusan koperasi sekolah

Item-item dalam soal selidik ini akan disusun mengikut kepentingannya bagi memudahkan responden menjawabnya. Instrumen kajian dibangunkan berdasarkan konsep jati diri koperasi yang dibentangkan dalam Ikatan Koperasi Antarabangsa 1995. Kandungan instrumen disokong oleh tinjauan kajian terdahulu yang mengkaji kejayaan pengurusan koperasi. Walau bagaimanapun, pengubahsuaian telah dibuat oleh pengkaji dengan mengelaskan item yang dikaji kepada item-item yang terdapat dalam konsep jati diri koperasi. Skala berbentuk 5 skala Likert telah dipilih untuk memudahkan responden memberi maklumbalas. Setiap soalan mempunyai lima pilihan berikut: (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) tidak pasti, (4) setuju, (5) sangat setuju. Pembolehubah, bilangan item dan dimensi yang ditanya untuk setiap pembolehubah diperinci dalam jadual 3.1.

Jadual 3.1 : Dimensi untuk pembolehubah

Pembolehubah (bil. item)	Dimensi berkaitan
Definisi (6)-D*	Identiti koperasi, tujuan penubuhan, sumber modal, pengurusan,

	kaedah pemilihan ALK, falsafah koperasi
Nilai (13)- N*	Nilai asas –bekerjasama (12,13), bertanggungjawab (20,24),demokrasi (19), perpaduan (15), kesamarataan (16,21), persamaan (14) Nilai etika – siddiq (18), amanah (17), ketulusan (23), penyayang (22)
Prinsip (10) – P*	Keanggotaan sukarela (26), kawalan demokrasi oleh anggota (28,29), penglibatan anggota dalam ekonomi (33), autonomi dan kebebasan (27,30), pendidikan,latihan & maklumat (31) ,bekerjasama antara koperasi (34), prihatin terhadap masyarakat (35)
Kejayaan (9) – K*	Sokongan pengetua, yuran saham, sokongan dari pengguna, pengagihan dividen saham, produk dan perkhidmatan, pengetahuan koperasi, penghargaan dan ganjaran, latihan, kepelbagaian aktiviti

*Kod ringkas yang digunakan untuk analisis data

3.5 Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Fokus kajian ini adalah merujuk kepada amalan dan prinsip koperasi yang diterjemahkan dalam jati diri koperasi. Instrumen kajian telah diubahsuai dari instrumen kajian terdahulu iaitu “Kejayaan Pengurusan Koperasi Sekolah” oleh Che Mahmud Awang dalam kajiannya Koperasi Sekolah: Aset atau liabiliti. Walaubagaimanapun, pengkaji telah membahagikan instrumen kajian kepada tiga aspek yang secara spesifik iaitu definisi, nilai dan prinsip koperasi dengan merujuk pada amalan dan prinsip koperasi yang dibincangkan oleh Encik Ahmad Marzuki Ismail (2004) dalam bukunya “Jati diri dalam Gerakan Koperasi Sekolah”. Selepas itu kajian rintis dijalankan bagi membolehkan pengkaji membuat penambahbaikan terhadap soalan yang ditanya. Oleh itu item-item yang dikaji mempunyai

kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dalam menilai aspek penerapan jati diri koperasi.

Bagi menghasilkan kebolehpercayaan instrument pula, pengkaji :

- i) menggunakan item-item yang jelas dan tepat
- ii) arahan-arahan yang jelas dan ringkas
- v) jaminan kerahsiaan atas maklumat yang di berikan
- vi) Setiap pentadbiran soal selidik akan dijalankan dalam keadaan serupa dan terkawal

Instrumen kajian yang digunakan ini dianggap mempunyai kesahan yang tinggi khususnya dari aspek kesahan kandungan (Mohd Majid, 1990).

3.6 Kajian Rintis

Kajian rintis diadakan dengan tujuan untuk menguji kesesuaian soalan soal-selidik dan kefahaman responden untuk menjawab soalan. Dengan mengadakan ujian rintis pengkaji dapat mengenalpasti sama ada soalan yang dikemukakan dalam soal-selidik mudah difahami, bahasa yang digunakan sesuai, adakah soalan yang ditanya mempunyai maksud yang sama dan adakah responden merasa sukar atau senang untuk menjawab soalan yang dikemukakan. Melalui kajian rintis ini, ia memberi peluang kepada pengkaji untuk memperbaiki soalan sebelum ianya diedarkan kepada responden sebenar. Ia juga digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan instrument yang digunakan.

Untuk kajian rintis ini, pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik kepada 30 orang anggota koperasi di SMK Raja Puan Muda Tengku Fauziah. Kesemua item telah di analisis menggunakan '*Cronbach Alpha Reliability Test*' (SPSS 16.0). Hasil dapatan daripada kajian rintis yang dijalankan menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi pada item nilai (0.86), prinsip (0.80) dan kejayaan (0.80), dengan nilai indeks kebolehpercayaan keseluruhan adalah 0.93. Walau bagaimanapun item definisi menunjukkan keboleh

percayaan yang rendah (0.49). Ini mungkin disebabkan bentuk pernyataan yang digunakan berbeza dari item nilai, prinsip dan kejayaan. Oleh itu kaedah penyoalan bagi aspek definisi telah diubah bentuk seperti yang di guna pakai pada item nilai, prinsip dan kejayaan bagi menyesuaikan dengan tahap pemahaman pelajar. Oleh kerana keputusan keseluruhan kajian rintis mencapai nilai cronbach alpha melebihi nilai 0.7 9 (Nunnally dan Beinstein, 1994) yang menunjukkan item mempunyai darjah konsistensi dalaman yang baik maka ia sesuai untuk digunakan bagi kajian sebenar.

3.7 Kaedah Penganalisisan Data

Data-data yang diperolehi dianalisis dengan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) 16.0 for Windows*. Data-data yang terkumpul dianalisis menggunakan kaedah kuantitatif iaitu statistik deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif menggunakan taburan frekuensi, peratusan dan min untuk membentangkan maklumat demografi responden dan menentukan tahap pemahaman dan amalan jati diri koperasi di kalangan responden. Manakala statistik inferensi iaitu korelasi digunakan untuk melihat hubungan antara item jati diri koperasi dengan kejayaan koperasi sekolah bagi menjawab hipotesis, iaitu Ho1,Ho2 dan Ho3. Selain itu, ujian regrasi juga digunakan untuk melihat sama ada (Ho4) ketiga-tiga item dalam jati diri koperasi mempunyai hubungan dalam menentukan kejayaan sesebuah koperasi sekolah sekiranya koperasi sekolah itu berjaya dalam menerapkan jati diri koperasi di kalangan anggotanya. Ia dapat di rujuk pada jadual 3.2 di bawah.

Jadual 3.2 : Kaedah analisis data

No	Hipotesis	Analisis statistik
1	Tidak terdapat hubungan antara pemahaman definisi koperasi dengan kejayaan koperasi	Korelasi

2	Tidak terdapat hubungan antara penerapan nilai koperasi dengan kejayaan koperasi	Korelasi
3	Tidak terdapat hubungan antara pengamalan prinsip koperasi dengan kejayaan koperasi	Korelasi
4	Tidak terdapat hubungan antara penerapan jati diri koperasi dengan kejayaan koperasi	Regresi Linear Mudah

3.8 Rumusan

Pengkaji menggunakan soalselidik yang sama bagi memudahkan analisis dibuat bagi setiap aspek yang dikaji. Melalui kaedah yang digunakan penilaian ke atas usaha penerapan jati diri koperasi dapat dinilai dan beberapa cadangan dan penambahbaikan dapat dicadangkan bagi memastikan gerakan koperasi sekolah mempunyai jati diri koperasi yang sebenarnya dalam menggerakkan koperasi ke tahap yang lebih tinggi.

BAB EMPAT

4.0 HASIL KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membentangkan analisis kuantitatif dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu skor min dan statistik inferensi yang menggunakan korelasi Pearson dan regresi linear mudah. Penggunaan kedua-dua jenis statistik ini adalah untuk menghuraikan analisis data mengikut persoalan-persoalan kajian dan penggunaan hipotesis-hipotesis yang telah dibina untuk memberikan gambaran sebenar kajian secara keseluruhan.

Hasil dapatan kajian untuk setiap item soalan kajian akan diterangkan secara terperinci tentang peratusan, min dan sisihan piawai. Bagi menguji hipotesis nol, analisis inferensi digunakan. Ujian korelasi pearson digunakan dalam kajian ini untuk menguji hipotesis nol tentang hubungan antara dengan pembolehubah bebas yang dikaji. Bagi kedua-dua ujian, aras signifikan ditetapkan pada tahap 0.05 dan 0.01.

Analisis data dalam bahagian ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian pertama melibatkan huraian latar belakang responden, bahagian kedua ialah huraian tentang hasil dapatan deskriptif berkaitan dengan aspek jati diri koperasi dengan menerangkan nilai min, bahagian ketiga adalah analisis Pearson dan ujian regresi linear mudah terhadap hipotesis-hipotesis yang dikemukakan. Secara ringkasnya, bahagian ini membincangkan hasil kajian yang telah diperolehi berdasarkan jawapan yang diperolehi dari soal-selidik. Pembentangan hasil kajian ini adalah berdasarkan objektif kajian iaitu:

- a) Menilai tahap kefahaman anggota koperasi mengenai definisi koperasi oleh anggota koperasi sekolah.
- b) Menilai tahap penerapan nilai koperasi di kalangan anggota koperasi sekolah.

- c) Menilai tahap pengamalan prinsip koperasi dalam pengurusan koperasi sekolah.
- d) Menilai tahap penerapan jati diri koperasi.
- e) Menilai tahap kejayaan koperasi sekolah.
- f) Ujian hipotesis

4.2 Latar Belakang Subjek Kajian

Data kajian diperolehi dari soal selidik yang diedarkan kepada anggota koperasi sekolah di 3 buah sekolah terlibat dalam kajian. Sebanyak 120 set soal selidik telah diedarkan dan sebanyak 118 set telah dipulangkan. Walau bagaimanapun setelah di semak, 114 set soal selidik sahaja yang dapat di gunakan untuk kajian. Ini bererti hanya 96.7% sahaja telah di pilih untuk di analisis.

Jadual 4.1 adalah taburan maklumat responden yang terlibat. Jumlah anggota koperasi yang terlibat dalam kajian ialah 114 orang di mana 64 terdiri daripada pelajar perempuan (56.1%) dan 50 orang pelajar perempuan (43.9%). Daripada data yang diperolehi, majoriti responden terdiri daripada pelajar menengah atas iaitu 85 orang (74.6%) dan selebihnya pelajar menengah rendah iaitu 23 orang (25.4%). Secara tak langsung ia menunjukkan bahawa pelajar menengah rendah telah dilibatkan dengan aktiviti koperasi sekolah.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa keahlian koperasi sekolah adalah terbuka kepada semua pelajar tanpa mengira bangsa sebagaimana yang dikehendaki dalam prinsip koperasi. Ini dapat dilihat penglibatan pelajar pelbagai bangsa dalam aktiviti koperasi sekolah di mana pelajar Melayu 108 orang (94.7%), pelajar Cina 85 orang (4.4%) dan lain-lain bangsa 1 orang (0.9%). Keahlian pelajar Melayu adalah majoriti kerana sekolah yang terlibat majoriti pelajarnya adalah bangsa Melayu.

Hasil dapatan menunjukkan bahawa majoriti pelajar menjadi ahli koperasi sekolah ketika berada di menengah rendah lagi iaitu 65.8%. Dapatan kajian juga mendapati bahawa

kebanyakan pelajar (96.5%) memperolehi maklumat gerakan koperasi melalui sekolah. Sebilangan kecilnya sahaja memperolehi maklumat dari sumber lain, media massa 2.6%, dan lain-lain 0.9%. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa sekolah memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan maklumat berkaitan dengan gerakan koperasi.

JADUAL 4.1: Latar Belakang Responden

Perkara		Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	64	56.1
	Perempuan	50	43.9
Umur	Bawah 15 tahun	29	25.4
	16 tahun ke atas	85	74.6
Bangsa	Melayu	108	94.7
	Cina	5	4.4
	India	0	0
	Lain-lain	1	0.9
Keahlian	Peralihan- Ting.3	75	65.8
	Ting.4 – Ting.5	39	34.2
Sumber	Sekolah	110	96.5
	Multimedia	3	2.6
	Lain-lain	1	0.9

4.3 Analisis Statistik Deskriptif Pembolehubah Kajian

Bagi tujuan kajian, Skala Likert di gunakan bagi tujuan analisis dengan pengkelasan:

- 1 - sangat tidak setuju
- 2 - tidak setuju
- 3 - tidak pasti
- 4 - setuju
- 5 - sangat setuju

Manakala bagi menilai tahap dapatan kajian skala penentu seperti yang di tunjukkan dalam Jadual 4.2 diguna untuk tujuan analisis.

Jadual 4.2: Skala penentuan tahap kefahaman konsep jati diri koperasi

Pengkelasan skor min	Tahap penentuan
1 – 2.9	Rendah
3.0 – 3.9	Sederhana
4.0 – 5.0	Tinggi

Jadual 4.3: Item definisi koperasi

No	Soalan	5	4	3	2	1	Min	s.p
item		%	%	%	%	%		
		f	F	f	f	F		
6.	Setiap ahli koperasi memainkan	58	38	13	4	1	4.30	.87
	peranan penting untuk memajukan	50.9	33.3	11.4	3.5	.9		

koperasi								
7.	Koperasi banyak memberi faedah kepada ahli	40	51	16	5	2	4.07	.91
		35.1	44.7	14	4.4	1.8		
8.	Saham yang dibeli oleh ahli akan dijadikan modal koperasi	27	45	34	5	3	3.77	.95
		23.7	39.5	29.8	4.4	2.6		
9.	Memastikan koperasi berjalan dengan betul dan lancar adalah salah satu tanggung jawab ahli koperasi	63	40	7	3	1	4.41	.80
		55.3	35.1	6.1	2.6	.9		
10.	Sistem mengundi mesti digunakan untuk memilih Ahli Lembaga Pengarah Koperasi	52	37	22	3	0	4.21	.85
		45.6	32.5	19.3	2.6	0		
11.	Ahli koperasi sentiasa bekerja bersama-sama untuk kebaikan dan kemajuan koperasi	52	42	18	0	2	4.25	.85
		45.6	36.8	15.8	0	1.8		
Keseluruhan							4.15	5.23

Petunjuk : 5-sangat setuju, 4-setuju, 3-tidak pasti, 2-tidak setuju, 1-sangat tidak setuju

Jadual 4.3 menunjukkan aspek pertama dalam jati diri koperasi adalah berkaitan definisi koperasi. Skor min bagi keseluruhan domain adalah tinggi dengan nilai min 4.15 (s.p=5.23).

Dari segi analisis item, keseluruhan skor min menunjukkan nilai melebihi 4.0 kecuali item yang ketiga. Bagi item pertama “ Setiap ahli koperasi memainkan peranan penting untuk memajukan koperasi” dengan nilai min 4.30 (s.p=.87). Ini menunjukkan bahawa anggota koperasi sekolah bersetuju bahawa mereka memainkan peranan yang penting bagi memajukan gerakan koperasi di sekolah dengan 58 orang daripada 114 (50.9%) orang

sangat setuju dan disokong oleh 38 (33.3%) orang lagi bersetuju. Pernyataan ini disokong oleh item ke enam iaitu “Ahli koperasi sentiasa bekerja bersama-sama untuk kebaikan dan kemajuan koperasi” yang merupakan falsafah koperasi dengan skor min yang tinggi, 4.25 ($s.p=.85$), di mana 52 (45.6%) orang daripada anggota menyatakan sangat setuju dan 42 (36.8%) lagi bersetuju. Ia dikukuhkan lagi dengan item keempat iaitu “Memastikan koperasi berjalan dengan betul dan lancar adalah salah satu tanggung jawab ahli koperasi” dengan skor min yang tinggi 4.21 ($s.p=.85$) dimana majoriti, 63 (55.3%) orang anggota menyatakan sangat setuju dan 40 (35.1%) bersetuju. Berdasarkan ketiga-tiga item ini hampir keseluruhan pelajar bersetuju mereka adalah orang yang bertanggungjawab menguruskan koperasi dengan cemerlang.

Bagi item kedua, “Koperasi banyak memberi faedah kepada ahli” menunjukkan skor min yang tinggi iaitu 4.07 ($s.p=.91$) dengan 40 (35.1%) orang anggota sangat bersetuju dan majoriti, 51 orang (44.7%) bersetuju. Ini memberi gambaran bahawa gerakan koperasi sekolah memberi faedah kepada anggota koperasi bertepatan dengan tujuan penubuhannya.

Bagi item yang ketiga “Saham yang dibeli oleh ahli akan dijadikan modal koperasi” menunjukkan skor min yang sederhana dengan nilai 3.77 ($s.p=.95$) dimana hanya 27 (23.7%) orang anggota menyatakan sangat setuju dan 45 (39.5%) orang bersetuju, manakala 34 (29.8) orang anggota lagi tidak pasti, 5 orang tidak setuju dan 3 orang sangat tidak setuju. Berdasarkan dapatan, ini menunjukkan bahawa ada di kalangan anggota koperasi tidak memahami konsep berkoperasi dan tidak mengetahui bahawa mereka adalah penyumbang modal koperasi.

Manakala item yang ke lima “Sistem mengundi mesti digunakan untuk memilih Ahli Lembaga Pengarah Koperasi” menunjukkan skor min yang tinggi iaitu, 4.21 ($s.p=.80$) dengan 52 (45.6%) orang sangat bersetuju, 37 (32.5%) orang bersetuju manakala 22

(19.3%) orang tidak pasti. Ini menunjukkan ada diantara anggota yang masih lagi tidak menunaikan hak mereka sebagai anggota koperasi.

Jadual 4.4: Item Nilai Asas

Bil	Soalan	5	4	3	2	1	Min	s.p
		F	F	F	F	F		
		%	%	%	%	%		
12	Mengadakan perancangan terlebih dahulu di dalam mesyuarat	54 47.4	45 39.5	13 11.4	2 .9	0	4.32	.747
13	Membentuk strategi perancangan bersama-sama dengan ahli	52 45.6	52 45.6	7 6.1	2 1.8	1 .9	4.33	.749
14	Menyediakan jadual tugas untuk ahli	53 46.5	46 40.4	11 9.6	3 2.6	1 .9	4.29	.817
15	Menentukan jenis tugas dan bagaimana melaksanakannya secara berkumpulan tanpa mengira jantina, bangsa dan agama	57 50.0	43 37.7	9 7.9	4 3.5	1 .9	4.32	.836
16	Mengagihkan tugas mengikut kebolehan masing-masing	38 33.3	45 39.5	22 19.3	6 5.3	3 2.6	3.96	.990
19	Bersikap terbuka ketika perbincangan dilakukan	55 48.2	49 43	7 6.3	1 .9	2 1.8	4.35	.787

21	Membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dengan adil	58	38	16	2	0	4.33	.783
		50.9	33.3	14.0	1.8	0		
24	Sentiasa berusaha memajukan kegiatan koperasi	56	41	14	3	0	4.29	.880
		49.1	36.0	12.3	2.6	0		
Keseluruhan							4.26	.828

Petunjuk :1-sangat tidak setuju, 2-tidak setuju, 3- tidak pasti, 4-setuju, 5-sangat setuju

Aspek kedua jati diri koperasi ialah nilai. Nilai koperasi terbahagi kepada dua, iaitu nilai asas dan nilai etika. Jadual 4.4 di atas menunjukkan aspek nilai asas koperasi. Secara keseluruhan nilai asas koperasi menunjukkan skor min yang tinggi iaitu 4.26 (s.p=.83). Ini menunjukkan kejayaan pengurusan koperasi menerapkan nilai asas di kalangan anggota koperasi sekolah.

Item pertama iaitu “Mengadakan perancangan terlebih dahulu di dalam mesyuarat” memperoleh skor min yang tinggi iaitu 4.32 (s.p=.747) dengan 47.4% iaitu 54 orang anggota koperasi menyatakan sangat setuju dan disokong oleh 45 (39.5) orang lagi bersetuju dengan pernyataan ini. Ini menunjukkan bahawa pengurusan koperasi sekolah berjaya menerapkan nilai bekerjasama di kalangan anggota koperasi sekolah. Manakala 13 (11.4%) orang lagi menyatakan tidak pasti dan 2 (1.8%) orang lagi tidak setuju. 15 orang anggota koperasi boleh dianggap tidak aktif kerana tidak melibatkan diri dalam pengurusan koperasi sekolah. Pernyataan ini disokong oleh pernyataan ketujuh iaitu “Sentiasa berusaha memajukan kegiatan koperasi” di mana skor min adalah tinggi iaitu 4.29 (s.p=.88) dengan 56 (49.1%) orang anggota koperasi menyatakan sangat setuju dan 41 (36%) orang anggota lagi bersetuju. Manakala 14 (12.3%) orang menyatakan tidak pasti dan 3 (2.6%) orang menyatakan tidak setuju.

Item yang kedua yaitu “membentuk strategi perancangan bersama-sama dengan ahli” adalah merujuk pada nilai bekerjasama bagi nilai asas. Ia menunjukkan skor min yang tinggi iaitu 4.33 ($s.p=.75$). Kebanyakan anggota koperasi menyatakan persetujuan mereka dengan 52 orang (45.6%) menyatakan sangat setuju dan 52 orang lagi bersetuju. Manakala 7 orang tidak pasti dan tiga orang lagi tidak setuju. Item keempat iaitu “Menyediakan jadual tugas untuk ahli” merupakan nilai persamaan yang terdapat dalam nilai asas koperasi. Skor min mencatatkan nilai yang tinggi iaitu 4.29 ($s.p=.817$) dengan 53 (46.5%) menyatakan sangat setuju dan disokong lagi oleh 46 (40.4) orang anggota yang mewakili lebih dari separuh responden. Sebelas lagi menyatakan tidak pasti dan empat lagi tidak bersetuju. Ini menunjukkan kebanyakan anggota terlibat dengan aktiviti koperasi dan selebihnya mungkin tidak melibatkan diri.

Item keempat “Menentukan jenis tugas dan bagaimana melaksanakannya secara berkumpulan tanpa mengira jantina, bangsa dan agama” menunjukkan bahawa pihak pengurusan koperasi ada menerapkan nilai perpaduan di kalangan anggota dengan skor min yang tinggi iaitu 4.32 ($s.p=.84$) dimana separuh daripada anggota iaitu 57 (50%) orang menyatakan sangat setuju dan 43 (37.7%) menyetujui pernyataan ini. Sembilan orang anggota lagi menyatakan tidak pasti dan lima lagi tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa bilangan anggota yang tidak bersama-sama melibatkan diri dalam aktiviti koperasi adalah kecil yang diwakili oleh 12.3% sahaja.

Item kelima iaitu “mengagihkan tugas mengikut kebolehan masing-masing” dan item yang ketujuh iaitu “ membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dengan adil” merupakan nilai kesaksamaan yang terkandung dalam nilai asas koperasi. Dapatan kajian menunjukkan skor min yang sederhana dan tinggi bagi kedua-dua item ini dengan masing-masing mendapat 3.96($s.p=.99$) dan 4.33($s.p=.78$). Item ketujuh menunjukkan 38 (33.3%) anggota menyatakan sangat setuju dan bersetuju seramai 45 (39.5%) orang. Manakala 22

(19.3%) orang tidak pasti dan 9 (7.9%) lagi tidak bersetuju. Ini menunjukkan ada di antara anggota koperasi tidak berpuas hati dengan tugas yang diberi. Walau bagaimanapun dari sudut menyelesaikan masalah kebanyakan anggota koperasi bersetuju bahawa keputusan yang di ambil adalah adil apabila skor min yang tinggi di tunjukkan dari kajian yang diperolehi iaitu 4.33 (SP=.783) dengan 58 (50.9%) orang menyatakan sangat setuju dan 38 (33.3%) lagi bersetuju. Selebihnya iaitu 16 (14%) orang tidak pasti dan 2 orang tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa pengurusan koperasi telah berjaya menerapkan nilai kesaksamaan dalam aktiviti koperasi.

Sebagaimana item nilai asas yang lain, item keenam juga menunjukkan skor min yang tinggi iaitu 4.35 (s.p=.79) dengan 55 (48.2%) anggota menyatakan sangat setuju dan di sokong oleh 49 (43%) orang lagi anggota koperasi. Selebihnya iaitu 7 (6.3%) orang tidak pasti, 2 (1.8%) tidak bersetuju dan 1(.9%) orang sangat tidak bersetuju. Item ke enam “bersikap terbuka ketika perbincangan dilakukan” adalah merujuk pada nilai demokrasi yang diamalkan dalam koperasi. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pengurusan koperasi sekolah berjaya menerapkan nilai demokrasi dalam aktiviti koperasi.

Jadual 4.5 : Item Nilai Etika

Bil.	Soalan	5	4	3	2	1	Min	Sp
Item		F	F	F	F	F		
		%	%	%	%	%		
17	Pemberian dividen dilakukan setiap tahun kepada semua ahli koperasi	41	35	35	1	2	3.98	.93
		36.0	30.7	30.7	.9	1.8		
18	Menghormati segala perundangan ahli lembaga dalam	38	54	17	5	0	4.10	.809
		33.3	47.4	14.9	4.4	0		

mesyuarat koperasi									
20	Mengawal setiap aktiviti untuk memastikan ianya berjalan lancar sebagaimana yang dirancang	39	59	11	4	1	4.15	.801	
		34.2	51.8	9.6	3.5	.9			
22	Memotivasikan ahli lembaga dalam melaksanakan aktiviti koperasi	41	44	26	3	0	4.08	.832	
		36	38.6	22.8	2.6	0			
23	Menjalankan tugas dengan ikhlas dan tidak mengharapkan ganjaran	46	41	14	6	7	3.99	1.14	
		40.4	36.0	12.3	5.3	6.1			
Keseluruhan							4.06	.90	

Petunjuk : 1-sangat tidak setuju, 2-tidak setuju, 3-tidak pasti, 4-setuju, 5-sangat setuju

Jadual 4.5 di atas menunjukkan hasil dapatan nilai etika bagi nilai asas koperasi. Sebagaimana nilai asas, nilai etika koperasi juga menunjukkan skor min yang tinggi iaitu 4.06 (sp=.90). Nilai etika koperasi terbahagi kepada empat perkara iaitu sadiq, amanah, ketulusan dan sikap penyayang.

Item pertama iaitu “Pemberian dividen dilakukan setiap tahun kepada semua ahli koperasi” merupakan nilai amanah dalam koperasi. Skor min berada pada tahap sederhana iaitu 3.98 (s.p=.93) walaupun ramai anggota iaitu 41 (36%) anggota menyatakan sangat setuju dan 35 (30.7%) orang lagi bersetuju. Manakala 35 (30.7%) anggota tidak pasti, 1 (.9%), tidak bersetuju dan 2 (1.8%) sangat tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa ada diantara anggota koperasi tidak mengetahui akan pemberian dividen. Walau bagaimanapun item kedua, “Menghormati segala perundangan ahli lembaga dalam mesyuarat koperasi” menunjukkan skor min yang tinggi iaitu 4.10 (SP=.809) dengan 38 (33.3%) anggota sangat setuju dan 54 (47.4%) lagi bersetuju. Hanya 17 (14.9%) orang menyatakan tidak pasti, sementara 5 (4.4%) tidak setuju.

Item ketiga, “Mengawal setiap aktiviti untuk memastikan ianya berjalan lancar sebagaimana yang dirancang” merupakan nilai sadiq. Ia menunjukkan skor min yang tinggi iaitu 4.15 (SP=.801) dengan 39 (34.2%) anggota menyatakan sangat setuju dan 59 (51.8%) anggota lagi bersetuju. Hanya 11 (9.6%) anggota tidak pasti, 4 (3.5%) tidak setuju dan 1 (.9%) sangat tidak setuju.

Sebagaimana item ketiga, item keempat “Memotivasikan ahli lembaga dalam melaksanakan aktiviti koperasi” menunjukkan skor min yang tinggi, 4.08 (s.p=.83). Seramai 41 (36%) anggota koperasi menyatakan sangat setuju dan 44 (38.6%) menyatakan setuju. Walau bagaimanapun 26 (22.8%) anggota tidak pasti dan selebihnya 3 (2.6%) anggota tidak setuju. Ini menunjukkan pengurusan koperasi berjaya menerapkan nilai sikap penyayang seperti yang digambarkan dalam item ketiga.

Manakala item keempat “Menjalankan tugas dengan ikhlas dan tidak mengharapkan ganjaran” adalah nilai ketulusan dalam koperasi. Skor min berada pada tahap sederhana iaitu 3.99 (s.p=1.14) dimana 46 (40.4%) anggota menyatakan sangat setuju dan 41 (36%) orang lagi bersetuju. Seramai 14 (12.3%) orang menyatakan tidak pasti, 6 (5.3%) tidak bersetuju dan 7 (6.1%) sangat tidak setuju. Ini menunjukkan ada sebahagian anggota koperasi belum lagi mempunyai sikap ingin berkhidmat dengan koperasi secara sukarela.

Jadual 4.6: Item Prinsip Koperasi

Bil	Soalan	5	4	3	2	1	Min	s.p
Item		F	F	F	F	F		
		%	%	%	%	%		
25	Memberi kebebasan kepada warga sekolah dan pelajar untuk menjadi ahli	49	28	29	4	4	4.00	1.07
		43.0	24.6	25.4	3.5	3.5		

	koperasi sekolah								
26	Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi di adakan setiap tahun	46 40.4	44 38.6	18 15.8	1 .9	5 4.4	4.10	.995	
27	Meminta semua ahli untuk hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi	45 39.5	37 32.5	23 20.2	5 4.4	4 3.5	4.00	1.048	
28	Menggunakan sistem mengundi untuk perlantikan Ahli Lembaga Koperasi (ALK)	50 43.9	37 32.5	20 17.5	5 4.4	2 1.8	4.12	.970	
29	Bersedia menerima segala rungutan dan cadangan ahli koperasi	48 42.1	41 36.0	16 14.0	5 4.4	4 3.5	4.36	.821	
30	Memberi galakan kepada ahli untuk berurusniaga di koperasi sekolah	42 36.8	43 37.7	25 21.9	2 1.8	2 1.8	4.25	.920	
31	Memberi kebebasan kepada ahli untuk memberi pandangan berkenaan koperasi	59 51.8	43 37.7	7 6.1	4 3.5	1 .9	4.09	1.03	
32	Memberitahu matlamat koperasi dengan jelas	55 48.2	41 36.0	13 11.4	2 1.8	3 2.6	4.06	.905	
33	Mengadakan kursus untuk membantu ahli menguruskan koperasi dengan betul	44 38.6	42 36.8	20 17.5	4 3.5	4 3.5	4.04	1.01	
34	Memberi galakan kepada ahli melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh koperasi lain	39 34.2	46 40.4	20 17.5	4 3.5	5 4.4	3.96	1.03	
35	Memberi sokongan bagi setiap aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah dan	41 36.0	44 38.6	23 20.2	5 4.4	1 .9	4.04	.906	

jabatan luar			
Keseluruhan		4.09	0.97

Petunjuk : 1-sangat tidak setuju, 2- tidak setuju, 3-tidak pasti, 4- setuju, 5-sangat setuju

Jadual 4.6 di atas menunjukkan item bagi prinsip koperasi. Prinsip koperasi terdiri daripada 7 prinsip. Secara keseluruhan penerapan prinsip koperasi menunjukkan skor min yang tinggi dengan nilai 4.09 (s.p=0.97). Ini menunjukkan pengurusan koperasi berjaya mengamalkan prinsip koperasi di kalangan anggota koperasi sekolah.

Item pertama “ memberi kebebasan kepada warga sekolah dan pelajar untuk menjadi ahli koperasi sekolah menunjukkan skor min yang tinggi, 4.00 (s.p=1.07) dengan 49 orang anggota (43%) menyatakan sangat setuju dan disokong oleh 28 (24.6%) orang anggota yang bersetuju dengan pernyataan ini. 29 (25.4%) orang anggota lagi tidak pasti dan 8 lagi tidak bersetuju. Ini menunjukkan koperasi sekolah mengamalkan prinsip pertama koperasi iaitu keanggotaan sukarela dan terbuka.

Item kedua “Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi di adakan setiap tahun”, item ketiga “ meminta semua ahli untuk hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi”, item keempat “Menggunakan sistem mengundi untuk perlantikan Ahli Lembaga Koperasi (ALK)” dan item kelima “ Bersedia menerima segala rungutan dan cadangan ahli koperasi” adalah item untuk prinsip kedua koperasi iaitu kawalan demokrasi oleh anggota. Keempat-empat item ini mencatatkan skor min yang tinggi dengan masing-masing melebihi 4.0 iaitu 4.10 (sp=.995), 4.00 (sp=1.041) , 4.12 (sp=.97) dan 4.36 (sp=.821). Item kedua 46 (40.4%) menyatakan sangat setuju, 44 (38.6%) setuju, 18 (15.8%) tidak pasti dan selebihnya tidak bersetuju. Item ketiga, 45 (39.5%) sangat setuju, 37 (32.5%) setuju, 23 (20.2%) tidak pasti dan 9 (7.9%) tidak setuju. Item keempat mencatatkan hasil yang hampir sama dengan 50 (43.9%) sangat setuju, 37 (32.5%) setuju dan 20 (17.5%) tidak pasti. Item kelima

mencatatkan skor min yang tinggi apabila 48 (42.1) sangat setuju dan 41 (36%) setuju. Bilangan tidak pasti kurang dari item lain iaitu 16 (14%) tidak pasti dan selebihnya 5 (4.4%) tidak setuju dan 4(3.5%) sangat tidak setuju. Ini menunjukkan pengurusan koperasi sekolah berjaya mengamalkan prinsip kedua koperasi.

Prinsip ketiga: penglibatan ekonomi oleh anggota dinilai melalui item keenam, “memberi galakan kepada ahli untuk berurusanniaga di koperasi sekolah” mencatatkan skor min yang tinggi iaitu 4.25 (s.p=.92) dengan 42 (3.8%) sangat setuju dan disokong oleh 43 (37.7%) anggota setuju. 25 (21.1%) anggota lagi tidak pasti dan selebihnya 2 (1.8%) masing-masing tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Item ketujuh iaitu “Memberi kebebasan kepada ahli untuk memberi pandangan berkenaan koperasi” merupakan prinsip keempat koperasi iaitu autonomi dan kebebasan. Sebagaimana item lain, ia mencatatkan skor min yang tinggi iaitu 4.09 (sp=1.03) di mana lebih separuh iaitu 59 (51.8%) sangat setuju, 43 (37.7%) setuju. Manakala bilangan tidak pasti sangat sedikit iaitu 7 (6.1%) dan 4 (3.5%) tidak setuju dan 1 orang sangat tidak setuju. Ini menunjukkan koperasi telah mengamalkan prinsip keempat dengan baik.

Prinsip koperasi kelima iaitu pendidikan, latihan dan maklumat dijelaskan dengan item kelapan “memberitahu maklumat koperasi dengan jelas” dan kesembilan “mengadakan kursus untuk membantu ahli menguruskan koperasi dengan betul”. Kedua-dua item ini menunjukkan nilai skor min yang tinggi dengan masing-masing 4.06 (sp=.905) dan 4.04 (sp=1.01). Item kelapan mencatatkan 55 (48.2%) sangat setuju, 41 (36%) setuju, 13 (11.4%) tidak pasti, 5 lagi tidak setuju (2 orang) dan sangat tidak setuju (3 orang). Item kesembilan mencatatkan 44 (38.6%) sangat setuju, 42 (36.8%) setuju, 20(17.5%) tidak pasti dan 4 (3.5%) tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Item kesepuluh “memberi galakan kepada ahli melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh koperasi lain” merujuk pada prinsip keenam koperasi; bekerjasama antara koperasi. Ia mencatatkan skor min yang sederhana iaitu 3.96(sp=1.03) dengan 39 (34.2%) menyatakan sangat setuju dan 46 (40.4%) setuju. 20 (17.5%) lagi tidak pasti dan 9 tidak setuju dengan 4 tidak setuju dan 5 sangat tidak setuju.

Prinsip ketujuh iaitu prihatin terhadap masyarakat dinilai melalui item kesebelas “Memberi sokongan bagi setiap aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah dan jabatan luar”. Skor min yang dicatatkan agak tinggi iaitu 4.04 (sp=.906) dengan 41 (36%) menyatakan sangat setuju dan disokong oleh 44 (38.6%) lagi setuju. Yang tidak pasti 23 (20.2%) , 5 (4.4%) tidak setuju dan 1 (.9) sangat tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa koperasi berjaya menerapkan sifat prihatin kepada masyarakat melalui aktiviti yang dijalankan.

Jadual 4.7: Item Kejayaan Koperasi

Bil	Soalan	5	4	3	2	1	Min	Sp
item		F	F	F	F	F		
		%	%	%	%	%		
36	Setiap aktiviti koperasi mendapat sokongan penuh dari pengetua dan guru-guru	28	47	29	4	6	3.76	1.03
		24.6	41.2	25.4	3.5	5.3		
37	Pelajar membayar saham minimum pada koperasi	17	37	46	6	8	3.43	1.04
		14.9	32.5	40.4	5.3	7.0		
38	Pelajar kerap berbelanja di koperasi membeli barang keperluan pelajaran	38	44	17	10	5	3.88	1.11
		33.3	38.6	14.9	8.8	4.4		
39	Pengagihan dividen tahunan mencukupi	23	31	44	12	4	3.5	1.04
		20.2	27.2	38.6	10.5	3.5		

40	Barangan dan perkhidmatan di kedai	24	35	34	10	10	3.48	1.18
	koperasi mengikut citarasa dan pilihan ahli	21.9	30.7	29.8	8.8	8.8		
41	Koperasi sekolah telah diuruskan dengan baik	29	49	23	9	4	3.79	1.03
		25.4	43.0	20.2	7.9	3.5		
42	Koperasi sentiasa memberi penghargaan dan ganjaran untuk ahli	26	38	34	13	3	3.62	1.04
		22.8	33.3	29.8	11.4	2.6		
43	Koperasi sering mengadakan latihan dan kursus pengurusan koperasi kepada ahli	23	36	39	10	6	3.53	1.07
		20.2	31.6	34.2	8.8	5.3		
44	Koperasi sering mempelbagaikan aktiviti koperasi	24	38	31	16	5	3.53	1.11
		21.1	33.3	27.2	14.0	4.4		
Keseluruhan							3.61	1.07

Petunjuk : 1- sangat tidak setuju, 2-tidak setuju, 3- tidak pasti, 4- setuju, 5 – sangat setuju

Jadual 4.7 di atas menunjukkan aspek kejayaan bagi sebuah koperasi sekolah. Skor min menunjukkan pencapaian sederhana iaitu 3.61 (s.p=1.07). Ini di sebabkan ramai anggota tidak pasti akan faktor kejayaan koperasi yang dibincangkan.

Item pertama “Setiap aktiviti koperasi mendapat sokongan penuh dari pengetua dan guru-guru” mencatatkan skor min sederhana 3.76 (sp=1.03) dengan 28 (24.6%) sangat setuju dan 47 (41.2%) setuju. Manakala tidak pasti 29 (25.4%) dan 10 tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa ada di antara aktiviti koperasi tidak mendapat sokongan sepenuhnya dari pengetua dan guru-guru. Item kedua berkaitan dengan sumbangan modal oleh ahli didapati bahawa skor min masih di tahap sederhana iaitu 3.43 (sp=1.04) dengan hanya 17 (14.9%) anggota menyatakan sangat setuju, 37 (32.5%) orang anggota setuju dan 46 (40.4%) menyatakan tidak pasti. Hanya 6 (5.3%) tidak setuju dan 8 (7%) sangat tidak

setuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa ramai anggota hanya membeli saham pada tahap minimum sahaja.

Sebagai sebuah organisasi melibatkan diri dalam perniagaan kejayaan koperasi seringkali di ukur dari sudut jualan atau urusaniaga yang berlaku. Dapatan kajian menunjukkan skor min item ketiga iaitu “Pelajar kerap berbelanja di koperasi membeli barang keperluan pelajaran” masih sederhana iaitu 3.88 ($s.p=1.11$) dimana 38 (33.3%) anggota menyatakan sangat setuju dan disokong oleh 44 (38.6%) lagi setuju. Hanya 17 (14.9%) tidak pasti dan 15 (13.4%) tidak setuju. Ini menunjukkan ada di antara anggota yang tidak kerap mengurusniaga di koperasi.

Item keempat “Pengagihan dividen tahunan mencukupi” mencatatkan skor min sederhana 3.5 ($sp=1.04$) dengan 23 (20.2%) anggota menyatakan sangat setuju dan 31 (27.2%) setuju. Bilangan yang tidak pasti agak tinggi iaitu 44 (38.6%) dan 12 (10.5%) tidak setuju dan selebihnya 4 (3.5%) sangat tidak setuju. Secara tidak langsung menunjukkan bahawa anggota koperasi sekolah mengetahui atau ambil peduli pengurusan koperasi terutamanya yang melibatkan kewangan.

Skor min bagi item ke lima “Barangan dan perkhidmatan di kedai koperasi mengikut citarasa dan pilihan ahli” mencatat pencapaian yang sederhana 3.48 ($s.p =1.18$) dengan 24 (21.9%) menyatakan sangat setuju dan 35 (30.7%) setuju, 34 (29.8%) lagi tidak pasti dan 10 lagi masing-masing tidak setuju dan sangat tidak setuju. Dapatan kajian mendapati bahawa tidak semua anggota terlibat secara langsung dalam menentukan jenis barangan yang di jual di koperasi sekolah.

Item keenam “koperasi sekolah telah diuruskan dengan baik” walaupun agak tinggi tapi masih di tahap sederhana dengan skor min 3.79 ($sp=1.03$) di mana 29 (25.4%) anggota sangat setuju, 49 (43%) setuju. Walau bagaimanapun 23 (20.2%) tidak pasti dan hanya 13

orang tidak setuju. Item ketujuh “ Koperasi sentiasa memberi penghargaan dan ganjaran untuk ahli” mencatatkan skor min sederhana 3.63 (s.p=1.04) apabila 26 (22.8%) sangat setuju, 38 (33.3%) anggota setuju. Manakala bilangan tidak pasti agak tinggi iaitu 34 (29.8%) dan 13 (11.4%) tidak setuju dan 3 lagi sangat tidak setuju. Hasil dapatan menunjukkan bahawa ramai anggota melibatkan diri dalam pengurusan koperasi.

“Koperasi sering mengadakan latihan dan kursus pengurusan koperasi kepada ahli” merupakan item kelapan yang mencatatkan skor min yang sederhana iaitu 3.53 (sp=1.07) dengan 23 (20.2%) sangat setuju dan disokong oleh 36 (31.6%) lagi setuju. Seramai 39 (34.2%) tidak pasti dan 10 (8.8) tidak setuju berserta 6 (5.3%) sangat tidak setuju. Nilai “sering” mungkin memberi tanggapan yang berbeza bagi pelajar yang menunjukkan hanya lebih kurang 50% iaitu 58 orang anggota bersetuju dengan pernyataan ini. Ini tidak menghairankan kerana tidak ramai anggota yang terlibat dengan pengurusan koperasi sekolah secara langsung.

Item ke sembilan ini “Koperasi sering mempelbagaikan aktiviti koperasi mencatatkan skor min yang sama dengan item ke lapan iaitu 3.53 (sp-1.11) dengan 24 (21.1%) sangat setuju dan 38 (33.3%) bersetuju. 31 (27.2%) anggota lain tidak pasti dan agak ramai yang tidak setuju di mana 16 (14%) tidak setuju dan 5(4.4%) sangat tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa koperasi ada menjalankan aktiviti tetapi tidak begitu pelbagai pada pandangan anggota. Ini tidak menghairankan kerana ahli sendiri tidak melibatkan diri secara aktif dalam pengurusan koperasi yang menyebabkan ada di kalangan anggota sendiri tidak begitu berpuas hati dengan aktiviti yang dijalankan oleh koperasi.

4.4 Pengujian Hipotesis

Di dalam bahagian ini, kajian adalah tertumpu kepada hubungan antara pembolehubah tak bersandar dan pembolehubah bersandar. Di dalam kajian ini kejayaan koperasi adalah merupakan pembolehubah bersandar manakala kejayaan pengurusan koperasi menerapkan jati diri koperasi adalah pembolehubah tak bersandar.

Bagi melihat tahap pencapaian pihak pengurusan koperasi menerapkan jati diri koperasi di kalangan anggota koperasi statistik min digunakan manakala untuk melihat hubungan antara setiap aspek dalam jati diri koperasi iaitu definisi, nilai dan prinsip koperasi, korelasi pearson di gunakan dan untuk melihat hubungan antara jati diri koperasi secara keseluruhan ujian regrasi linear mudah telah dijalankan .

4.4.1 Tahap Kefahaman Definisi Koperasi

Definisi koperasi adalah suatu tafsiran bagaimana gerakan koperasi dibentuk dan siapakah pemilik koperasi. Dengan memahami definisi koperasi, anggota koperasi sekolah akan mengetahui hak dan tanggungjawab mereka sebagai anggota koperasi. Penghayatan pada falsafah koperasi akan mewujudkan perpaduan di kalangan warga koperasi sekolah. Jadual 4.8 dan rajah 4.1 menunjukkan hasil dapatan kajian.

Jadual 4.8 : Definisi koperasi


Definisi	Mean	Sisihan piawai
Identiti koperasi	4.30	.87
Kepentingan ahli	4.07	.91
Modal	3.77	.95
Tadbir urus koperasi	4.41	.80
Demokrasi	4.21	.85

Falsafah	4.25	.85
Keseluruhan	4.17	.64

Hasil dapatan kajian mencatatkan skor min bagi kebanyakan aspek definisi adalah melebihi 3.0 yang menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar mengetahui identiti koperasi dengan baik. Walau bagaimanapun skor min untuk modal menunjukkan nilai yang rendah iaitu 3.77 dengan sisihan piawai .95 yang menunjukkan kebanyakan anggota koperasi tidak memahami peranan mereka sebagai anggota koperasi untuk menyumbang modal koperasi.

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa anggota koperasi memahami identiti koperasi dengan baik apabila skor min 4.3. Kefahaman identiti koperasi sebagai pendukung ideologi koperasi, pemilik dan penanggung modal dan pengguna menyebabkan anggota koperasi terlibat secara aktif dalam gerakan koperasi. Ini dapat dilihat apabila skor min bagi kepentingan ahli (4.07), tadbir urus koperasi (4.41), demokrasi (4.21) dan falsafah (4.25) sebagai petunjuk penglibatan anggota koperasi dalam aktiviti koperasi di sekolah.

RAJAH 4.1:Tahap Kefahaman Definisi Koperasi



4.4.2 Tahap Penerapan Nilai Koperasi

Nilai koperasi yang terdiri daripada nilai asas dan nilai etika dilihat dapat membentuk peribadi dan perilaku anggota koperasi melalui perubahan tingkah laku semasa melibatkan diri dalam setiap aktiviti yang dijalankan oleh koperasi. Ketrampilan anggota koperasi sekolah adalah petunjuk kejayaan penerapan nilai dalam diri anggota koperasi sekolah. Jadual 4.9 dan rajah 4.2 di bawah menunjukkan bagaimana aktiviti yang dilaksanakan oleh koperasi dapat menerapkan nilai koperasi di kalangan anggota koperasi sekolah.

Jadual 4.9:- Nilai koperasi

Nilai				Min	Sisihan piawai
12.Mengadakan perancangan mesyuarat (NA- bertanggungjawab)				4.32	.75
13.Membentuk perancangan strategi bersama ahli bekerjasama)			(NA-	4.33	.75


14.Menyediakan jadual tugas (NA-persamaan)	4.29	.82
15.Tugas tanpa mengira jantina dan bangsa (NA-perpaduan)	4.32	.84
16.Mengagihkan tugas berdasarkan kebolehan (NA-kesaksamaan)	3.96	.99
17.Pemberian dividen kepada ahli (NA-amanah)	3.98	.93
18.Menghormati perundangan ahli lembaga (NE-amanah)	4.10	.81
19.Bersikap terbuka ketika perbincangan (NA-demokrasi)	4.35	.79
20.Mengawal setiap aktiviti (NA-amanah)	4.15	.80
21.Membuat keputusan dengan adil (NA-kesaksamaan)	4.33	.78
22.Memotivasikan ahli (NE-penyayang)	4.08	.83
23.Menjalankan tugas dengan ikhlas (NE-ketulusan)	3.99	1.14
24.Sentiasa berusaha memajukan koperasi (NA-bertanggungjawab)	4.29	.88
Keseluruhan	4.19	.85

** NA- Nilai asas , NE – Nilai etika

Hasil dapatan menunjukkan hampir semua nilai etika menunjukkan skor min lebih daripada 4.0 kecuali kesamarataan dan amanah. Ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya nilai asas koperasi telah berjaya diterapkan dalam diri anggota koperasi. Nilai kesamarataan dan amanah pula menunjukkan nilai skor min yang agak rendah iaitu 3.96 dan 3.98.

Manakala nilai etika hampir keseluruhannya menunjukkan skor min melebihi 4.0 kecuali nilai ketulusan menunjukkan nilai min yang agak rendah iaitu 3.99.

RAJAH 4.2: Tahap Penerapan Nilai Koperasi



4.4.3 Tahap Pengamalan Prinsip Koperasi

Prinsip koperasi merupakan satu panduan bagaimana gerakan koperasi dilaksanakan. Ia digubal berdasarkan kepada nilai koperasi dalam membangun dan menggerakkan sesebuah koperasi berdaftar. Prinsip koperasi ini merupakan petunjuk kepada perjalanan sesebuah koperasi sama ada ia memenuhi kehendak koperasi atau tidak. Jadual 4.10 di bawah menunjukkan bagaimana prinsip koperasi di terjemahkan dalam kegiatan koperasi di sekolah.


Jadual 4.10: Prinsip koperasi

PRINSIP	Min	Sisihan piawai
Kebebasan keahlian (P1)	4.00	1.07
Mengadakan mesyuarat agung tahunan (P2)	4.10	.995
Menggalakkan kehadiran ke mesyuarat(P2)	4.00	1.048
Menggunakan sistem mengundi(P2)	4.12	.970

Kebebasan memberi pandangan (P2)	4.36	.821
Pemberitahuan matlamat koperasi (P5)	4.25	.920
Penerimaan cadangan dan rungutan (P2)	4.09	1.03
Galakan urusanniaga (P3)	4.06	.905
Mengadakan kursus (P5)	4.04	1.01
Melibatkan diri dengan koperasi lain (p6)	3.96	1.03
Melibatkan diri dengan jabatan lain (P7)	4.04	.906
Keseluruhan	4.09	.67

*P – Prinsip koperasi

Jadual 4.10 dan rajah 4.3 menunjukkan tahap pengamalan prinsip koperasi di kalangan anggota koperasi sekolah. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga sekolah yang terlibat mengamalkan prinsip jati diri koperasi dengan baik apabila skor min melebihi 4.0 bagi enam daripada tujuh prinsip koperasi. Prinsip keenam iaitu bekerjasama antara koperasi menunjukkan skor min yang agak rendah iaitu 3.96.



4.4.4 Tahap Kefahaman Anggota Koperasi Sekolah Terhadap Konsep Jati Diri Koperasi.


Jati diri koperasi yang terdiri daripada definisi, nilai dan prinsip merupakan identiti bagi gerakan koperasi. Kejayaan menerapkannya dalam diri anggota koperasi merupakan petunjuk kejayaan pengurusan koperasi sekolah mencapai objektif penubuhan koperasi sekolah. Jadual 4.11 dan rajah 4.4 di bawah menunjukkan hasil dapatan kajian ke atas penerapan jati diri koperasi di kalangan koperasi sekolah.

Jadual 4.11: Tahap penerapan jati diri koperasi di kalangan anggota koperasi sekolah.

Aspek	Min	Sisihan Piawai
Definisi	4.17	0.64
Nilai	4.19	0.54
Prinsip	4.09	0.66
Keseluruhan	4.15	0.56

Hasil dapatan kajian secara keseluruhannya mendapati skor min bagi tahap penerapan jati diri koperasi di kalangan anggota koperasi sekolah ialah 4.15 dan sisihan piawai ialah 0.56. Oleh kerana median bagi skor adalah 3.0, maka min skor yang melebihi 3.0 menunjukkan bahawa pihak pengurusan koperasi sekolah telah berjaya menerapkan konsep jati diri koperasi melalui aktiviti koperasi yang dijalankan.

RAJAH 4.4: Tahap Penerapan Jati Diri Koperasi




4.4.5 Tahap Kejayaan Koperasi

Kejayaan koperasi dalam kajian ini hanya fokus pada operasi atau pengurusan dan urusniaga koperasi. Kejayaan menerapkan jati diri koperasi di kalangan anggota koperasi dapat di lihat secara langsung melalui kejayaan anggota menawarkan keperluan dan kehendak anggota melalui aktiviti yang dijalankan di samping penglibatan ahli dalam aktiviti koperasi sama ada secara langsung dan tidak langsung. Manakala sokongan dari pengetua dilihat sebagai petunjuk peranan yang dimainkan oleh pihak pentadbiran dan pengurusan sekolah dalam menyokong gerakan koperasi di sekolah.

Jadual 4.12: Kejayaan koperasi

PERKARA	Min	Sisihan piawai
Sokongan pengetua	3.76	1.03
Pembayaran saham minimum	3.43	1.03
Pembelian di koperasi	3.88	1.10
Pengagihan dividen	3.50	1.04
Jenis barangan dan perkhidmatan	3.48	1.18
Pengurusan koperasi	3.79	1.03
Penghargaan dan ganjaran	3.62	1.04
Latihan dan kursus	3.53	1.07
Kepelbagaian aktiviti	3.53	1.10
Keseluruhan	3.62	.68

Jadual 4.12 dan rajah 4.5 menunjukkan tahap kejayaan yang di capai oleh koperasi sekolah yang terlibat dalam kajian ini. Skor min di bawah 4.0 iaitu 3.62 ($sp=.68$) menunjukkan pencapaian koperasi berada di tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa walaupun pengurusan koperasi berjaya menerapkan jati diri koperasi tetapi kejayaan koperasi masih berada di tahap sederhana.



4.4.6 Hasil Dapatan Kajian Berdasarkan Persoalan Kajian 2

Secara keseluruhan, terdapat hubungan yang signifikan berdasarkan dapatan kajian bagi ujian korelasi yang menunjukkan jati diri koperasi memberikan nilai $p < .01$ terhadap kejayaan koperasi secara positif.

Jadual 4.13: Hubungan antara kejayaan koperasi dengan aspek jati diri koperasi

	KEJAYAAN	DEFINISI	NILAI	PRINSIP
KEJAYAAN	1			
DEFINISI	.460**	1		
NILAI	.504**	.688**	1	
PRINSIP	.524**	.797**	.769**	1

****korelasi adalah signifikan pada aras .01,(2 hujung)**

Jadual 4.14 : Hubungan antara kejayaan koperasi dengan faktor kefahaman definisi koperasi

Hubungan	Kejayaan koperasi	
Definisi koperasi	Kolerasi pearson	.046**
	Sig.	0.000

**Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2 hujung)

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara pemahaman definisi koperasi dengan kejayaan koperasi sekolah dengan nilai $r(114) = 0.46$, $p > 0.05$ (pada aras 0.01 ujian 2 hujung). Kajian ini berjaya menolak hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat hubungan antara pemahaman definisi koperasi dengan kejayaan koperasi dan menerima hipotesis alternatif. Keputusan ini menjelaskan bahawa terdapat hubungan di antara pemahaman definisi koperasi di kalangan anggota koperasi sekolah dengan kejayaan koperasi sekolah. Ini menunjukkan koperasi yang berjaya menerapkan definisi koperasi di kalangan anggota akan meningkatkan kejayaan koperasi manakala jika pengurusan koperasi tidak berjaya menerapkan definisi koperasi kejayaan koperasi akan menurun. Namun pertaliannya lemah dengan $r = 0.46$ di mana nilai $r^2 = 0.21$ yang menunjukkan pemahaman definisi koperasi hanya menyumbangkan 21% ke atas kejayaan koperasi, manakala 79% di pengaruhi oleh faktor-faktor lain. Walau bagaimanapun keputusan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan antara kejayaan pengurusan koperasi memberi kefahaman definisi koperasi kepada anggota koperasi sekolah dengan kejayaan koperasi sekolah.

Jadual 4.15: Hubungan antara kejayaan koperasi dengan faktor penerapan nilai koperasi

Hubungan	Kejayaan koperasi	
Nilai koperasi	Kolerasi pearson	.050**
	Sig.	0.000

**Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2 hujung)

Jadual 4.15 menunjukkan kejayaan pengurusan koperasi sekolah dalam menerapkan nilai koperasi dengan kejayaan koperasi sekolah mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan nilai $r(114) = 0.50$, $p < 0.05$ (pada aras 0.01 ujian 2 hujung). Kajian ini berjaya menolak hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat hubungan antara penerapan nilai koperasi dengan kejayaan koperasi dan menerima hipotesis alternatif. Keputusan ini menjelaskan bahawa terdapat hubungan di antara kejayaan menerapkan nilai koperasi dengan kejayaan koperasi sekolah. Ini menunjukkan koperasi yang berjaya menerapkan nilai koperasi di kalangan anggota akan meningkatkan kejayaan koperasi manakala jika pengurusan koperasi tidak berjaya menerapkan nilai koperasi kejayaan koperasi akan menurun. Namun pertaliannya lemah dengan $r = 0.50$ di mana nilai $r^2 = 0.25$ yang menunjukkan pemahaman definisi koperasi hanya menerangkan 25% ke atas kejayaan koperasi, manakala 75% di pengaruhi oleh faktor-faktor lain.

Jadual 4.16: Hubungan antara kejayaan koperasi dengan faktor pengamalan prinsip koperasi

Hubungan	Kejayaan koperasi	
Prinsip koperasi	Kolerasi pearson	.052**
	Sig.	0.000

**Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2 hujung)

Dapatan (Jadual 4.16) juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara kejayaan pengurusan koperasi sekolah menerapkan prinsip koperasi di kalangan anggota koperasi sekolah dengan kejayaan gerakan koperasi sekolah dengan nilai $r(114) = 0.52$, $p > 0.05$ (pada aras 0.01 ujian 2 hujung). Kajian ini berjaya menolak H_0 yang menyatakan tidak terdapat hubungan antara penerapan prinsip koperasi dengan kejayaan koperasi dan menerima H_A . Ini menunjukkan koperasi yang berjaya menerapkan prinsip koperasi di kalangan anggota akan meningkatkan kejayaan koperasi manakala jika pengurusan koperasi tidak berjaya menerapkan prinsip koperasi kejayaan koperasi akan menurun. Keputusan ini menjelaskan bahawa terdapat hubungan di antara kejayaan menerapkan prinsip koperasi dengan kejayaan koperasi sekolah, walaupun pertaliannya lemah dengan $r = 0.52$. Nilai $r^2 = 0.27$ menjelaskan bahawa penerapan prinsip koperasi hanya menyumbang 27% ke atas kejayaan koperasi, manakala 73% lagi disumbangkan oleh faktor-faktor lain.

Dari dapatan yang diperolehi ini dapatlah dirumuskan bahawa kejayaan pengurusan koperasi sekolah menerapkan jati diri koperasi di kalangan anggota koperasi sekolah mempunyai hubungan dengan kejayaan gerakan koperasi sekolah. Oleh itu penerapan jati diri koperasi perlu dilaksanakan di peringkat sekolah bagi membentuk anggota koperasi yang berketrampilan yang dapat memajukan gerakan koperasi di Malaysia di masa akan datang. Sementelahan pula ia merupakan perkara asas bagi gerakan koperasi.

4.4.7 Hasil Dapatan Kajian Berdasarkan Persoalan Kajian 3

Kajian ke atas hubungan jati diri koperasi dengan kejayaan koperasi adalah penting bagi mengetahui sumbangan jati diri koperasi dalam menentukan kejayaan dalam sesebuah koperasi. Nilai hubungan yang diperolehi akan memberi petunjuk pada kekuatan atau kelemahan bagi faktor penentu kejayaan sesebuah koperasi sekolah. Jadual 4.17

menunjukkan tahap hubungan antara kejayaan pengurusan koperasi sekolah menerapkan jati diri koperasi dengan kejayaan koperasi sekolah.

Jadual 4.17 : Ujian Regresi Linear Mudah (bil.=114)

Pembolehubah tidak bersandar	PB = kejayaan koperasi		
	b	t	sig.
Jati diri koperasi	.653	6.833	0.00
Konstan			
R ² = 0.294	statistik F = 46.69 ;		sig. = 0.00
PB =pembolehubah bersandar		sig. = p < 0.05	

Jadual 4.17 menunjukkan hasil ujian regresi linear mudah. Model regresi yang diuji adalah signifikan pada nilai R² terlaras = 0.294, F = 46.69 dan sig. = 0.00. Koefisien jati diri ialah pada kadar 0.653. Ini menunjukkan setiap satu peratusan pertambahan dalam kejayaan pengurusan menerapkan jati diri koperasi, pertambahan kejayaan koperasi hanya mampu mencapai 0.65% sahaja. Ini disebabkan nilai ‘coefficient of determination R² = 0.294 menunjukkan bahawa pengaruh pembolehubah tidak bersandar iaitu jati diri koperasi (definisi, nilai dan prinsip) adalah kecil terhadap pembolehubah bersandar (kejayaan koperasi) iaitu 29.4%. Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat 29.4 % kejayaan koperasi sekolah boleh dijelaskan dengan kejayaan pengurusan menerapkan jati diri koperasi, manakala selebihnya 70.6% boleh dijelaskan dengan faktor-faktor lain yang tidak diambil kira dalam kajian ini. Faktor-faktor berkenaan mungkin faktor ruang, tadbir urus, pengurusan kewangan, modal, kepimpinan dan lain-lain.

4.5 Rumusan

Sebagai rumusan, bab ini telah membincangkan secara terperinci setiap dapatan dan menganalisis setiap item persoalan kajian berhubung tentang tahap penerapan jati diri koperasi dengan kejayaan koperasi serta hubungan penerapan jati diri koperasi dengan kejayaan koperasi. Hasil dapatan menunjukkan pengurusan koperasi sekolah berjaya menerapkan jati diri koperasi di kalangan anggota koperasi apabila skor min melebihi 3.0. Dari segi hubungan korelasi pula terdapat hubungan yang positif antara kejayaan pengurusan koperasi menerapkan domain jati diri koperasi dengan kejayaan koperasi. Walau bagaimanapun hubungannya agak lemah. Ujian regresi linear mudah pula menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara kejayaan pengurusan koperasi menerapkan jati diri koperasi dengan kejayaan koperasi sekolah. Namun hubungannya agak lemah.

BAB LIMA

5.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini mengandungi ringkasan kajian yang terdiri daripada perbincangan, kesimpulan dan cadangan berkaitan dengan hasil keputusan yang telah dijalankan. Perbincangan dapatan mengambil kira batasan kajian yang telah dinyatakan. Terdapat empat hipotesis utama yang diperincikan berdasarkan konsep jati diri koperasi di dalam kajian ini. Tiga daripada hipotesis diuji dengan menggunakan ujian korelasi pearson bagi mendapatkan hubungan bagi setiap aspek yang terdapat dalam jati diri koperasi dan satu lagi hipotesis diuji dengan menggunakan ujian regresi untuk mencari kekuatan hubungan antara jati diri koperasi dan kejayaan koperasi.

5.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk mengkaji tahap penerapan jati diri koperasi oleh pihak pengurusan koperasi sekolah di sekolah rancangan khas di negeri Perlis. Selain itu penyelidik juga mengkaji hubungan antara aspek jati diri koperasi dengan kejayaan koperasi dan hubungan antara jati diri koperasi dengan kejayaan koperasi.

Bagi mengkaji aspek jati diri koperasi, penyelidik telah menggunakan aspek jati diri koperasi mengikut kenyataan jati diri koperasi, Ikatan Koperasi Antarabangsa yang telah di bentangkan semasa perayaan ke 100 Ikatan Koperasi Antarabangsa pada tahun 1995 di Manchester, United Kingdom. Ia menekankan kepada 3 aspek jati diri koperasi iaitu definisi, nilai dan prinsip koperasi. Aspek definisi koperasi menjelaskan definisi dan falsafah koperasi yang menunjukkan identiti koperasi adalah anggotanya. Aspek kedua penerapan nilai koperasi yang terdiri daripada nilai asas dan nilai etika, bertujuan untuk

membentuk perilaku dan peribadi anggota koperasi berdasarkan nilai kemanusiaan sejagat melalui aktiviti yang dijalankan oleh koperasi. Manakala prinsip koperasi merujuk pada kaedah perjalanan atau pengurusan koperasi berdasarkan 7 prinsip yang telah ditetapkan dalam Jati Diri Koperasi dan Undang-undang Kecil Koperasi (UKK).

Seramai 114 orang pelajar yang merupakan anggota koperasi sekolah telah terlibat sebagai responden yang terdiri dari pelbagai latarbelakang, bangsa, dan tahap pengajian.

5.3 Dapatan Dan Perbincangan

Secara keseluruhan min tahap penerapan jati diri koperasi di kalangan anggota koperasi sekolah berada di tahap tinggi berdasarkan min keseluruhan 4.15 ($sp=0.61$). Dapatan kajian mendapati bahawa setiap aspek jati diri koperasi iaitu definisi, nilai dan prinsip menunjukkan skor min melebihi 4.0. Sementara tahap kejayaan koperasi berada pada tahap sederhana dengan skor min keseluruhan 3.61 ($sp=1.07$). Hasil dapatan mendapati skor min bagi setiap aspek kejayaan koperasi mencatatkan skor min kurang dari 4.0.

Hasil kajian menunjukkan hipotesis pertama iaitu terdapat hubungan antara pemahaman definisi koperasi dengan kejayaan diterima berdasarkan nilai korelasi yang signifikan pada aras $p < 0.1$. dengan itu hipotesis nol ditolak. Menurut Profesor Diraja Ungku Aziz daripada definisi koperasi, anggota koperasi akan memahami falsafah koperasi dan memudahkan operasi koperasi. Kejayaan pihak pentadbiran dan pengurusan koperasi sekolah menyediakan perkhidmatan mengikut definisi koperasi akan membawa perpaduan di kalangan anggota koperasi dan seterusnya memberi manfaat kepada anggota sebagaimana yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara dan Jati Diri Koperasi. Ahmad Marzuki (2004) dalam bukunya “Jati diri dalam gerakan koperasi sekolah” menyatakan bahawa pemahaman definisi, konsep dan falsafah koperasi akan membentuk pemuafakatan dan kejayaan anggota sebagai penentu kejayaan koperasi sekolah.

Pengabaian takrifan definisi koperasi akan menyebabkan anggota koperasi sekolah tidak aktif, tidak faham cara berkoperasi dan tidak tahu peranan mereka sebagai anggota koperasi.

Hipotesis kedua iaitu terdapat hubungan antara pengamalan nilai koperasi dengan kejayaan koperasi di terima apabila nilai korelasi yang signifikan pada aras $p < 0.1$ dengan nilai 0.50. Dengan itu hipotesis nol di tolak. Menurut Ahmad Marzuki, keberkesanan anggota koperasi menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan dan peranannya dalam meningkatkan prestasi sekolah adalah suatu petunjuk terhadap kejayaan penerapan nilai koperasi.

Dapatan kajian mendapati bahawa koperasi sekolah mempunyai jadual perancangan, strategi perancangan dan jadual tugas bagi setiap aktiviti yang dijalankan. Ini menunjukkan bahawa koperasi sekolah telah berusaha menerapkan nilai koperasi kepada anggotanya dengan melibatkan ahlinya dalam aktiviti yang dijalankan. Dapatan kajian juga mendapati bahawa pihak pengurusan koperasi sekolah mempunyai hubungan interpersonal yang baik dengan anggotanya apabila mereka dapat membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dengan adil dan memotivasikan anggota koperasi dalam melaksanakan aktiviti koperasi. Amini dan Ramezani (2008) mendapati bahawa pengurusan yang mempunyai kemahiran interpersonal memberi kesan positif terhadap pencapaian koperasi. Ini memberi ruang dan peluang untuk anggota koperasi menjalankan tugas secara sukarela membantu ALK sedia ada.

Selain itu sikap pengurusan yang mengadakan strategi perancangan bersama-sama anggota menunjukkan bahawa pihak pengurusan berjaya menanamkan nilai bekerjasama di kalangan anggota dan menampilkan sebuah pengurusan yang berpengalaman menguruskan

koperasi. Kajian menunjukkan terdapat hubungan antara pencapaian koperasi dengan pengalaman pihak pengurusan koperasi (Bruynis el. Al 2001).

Hipotesis ketiga turut di tolak apabila dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan antara penerapan prinsip koperasi dengan kejayaan koperasi apabila nilai korelasi yang signifikan pada aras $p < 0.1$. Ahmad Marzuki (2004) mengatakan “Melalui prinsip koperasi, komitmen anggota dapat dipertingkatkan dan anggota memberi sokongan tanpa berbelah bahagi dalam meningkatkan kecemerlangan koperasi“. Manakala di bawah Seksyen 2 dan 4, Akta Koperasi menjelaskan bahawa dalam usaha mencapai matlamat koperasi, gerakan koperasi tidak boleh mengabaikan prinsip koperasi. Ahmad Marzuki menjelaskan “dalam melaksanakan prinsip koperasi, koperasi sekolah tidak boleh mengabaikan dan membelakangkan perundangan koperasi iaitu Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan Koperasi 1995, Undang-undang Kecil Koperasi, Pekeliling Ketua-ketua Pendaftar dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Pengabaian perundangan koperasi dan pekeling akan menjejaskan imej koperasi kerana koperasi bergerak mengikut citarasa dan kepentingan golongan tertentu dalam koperasi sekolah.

Dapatan kajian mendapati bahawa koperasi sekolah mengamalkan prinsip keanggotaan sukarela dan terbuka. Ini menunjukkan bahawa pihak pentadbiran dan pengurusan koperasi sekolah telah memahami undang-undang koperasi. Ini bercanggah dengan pernyataan yang dibuat oleh Ahmad Marzuki (2004) bahawa kebanyakan pihak pentadbiran dan pengurusan koperasi sekolah mewajibkan setiap pelajar menjadi anggota koperasi dengan mengenakan yuran dan syer seperti yang ditetapkan dalam Undang-undang Kecil Koperasi dan pelajar yang menjadi anggota koperasi ini tidak diberi penerangan dan bimbingan terhadap konsep dan falsafah berkoperasi.

Hasil kajian juga mendapati bahawa koperasi sekolah mengamalkan kawalan demokrasi oleh anggota dengan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Sekolah setiap tahun. Ini berbeza dengan rekod di Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) Malaysia, terdapat banyak sekolah yang gagal mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Sekolah disebabkan ketidakcekapan pihak pentadbiran dan pengurusan koperasi mengemaskini rekod seperti mana yang ditetapkan oleh perundangan koperasi. Selain itu koperasi juga turut menggunakan sistem mengundi untuk perlantikan Ahli Lembaga Koperasi (ALK) yang menunjukkan bahawa anggota koperasi mengetahui tentang haknya dalam menentukan ALK dan Juru Audit Dalaman (JAD) di kalangan pelajar. Ini bertentangan dengan pernyataan yang dibuat oleh Ahmad Marzuki (2004) yang mengatakan terdapat pihak pentadbiran dan pengurusan koperasi sekolah menentukan ALK dan JAD lebih awal dengan alasan memudahkan pengendalian kegiatan koperasi.

Dapatan kajian juga mendapati koperasi sekolah didapati telah mengamalkan prinsip ketiga koperasi dengan memberi galakan kepada ahli untuk berurusniaga di koperasi sekolah dengan skor min 4.06. Menurut Ahmad Marzuki (2004) penglibatan ahli dalam urusniaga koperasi adalah penting kerana prestasi koperasi sekolah berubah-ubah dari setahun ke setahun dan ia berkaitan dengan kerjasama anggota dalam berurusniaga dengan koperasi pada tahun tersebut. Situasi begini dapat diwujudkan kerana koperasi sekolah telah memberitahu matlamat koperasi dengan jelas kepada anggotanya dengan skor min 4.25. Ia bertepatan dengan penjelasan yang dibuat oleh Ahmad Marzuki (2004) bahawa kekurangan pendedahan tentang kepentingan dan faedah berkoperasi menyebabkan anggota koperasi tidak mengambil berat tentang kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh koperasi sekolah dan suka menjalankan urusniaga dengan pihak luar. Ini akan menyebabkan koperasi sekolah tidak memperolehi keuntungan, mempunyai stok barangan dan kualiti barang yang bermutu rendah.

Hasil kajian juga mendapati bahawa pihak pengurusan koperasi telah mengamalkan prinsip keempat koperasi iaitu autonomi dan kebebasan dengan memberi kebebasan kepada ahli untuk memberi pandangan dan bersedia menerima segala rungutan dan cadangan ahli koperasi dengan skor min 4.36. Ini membolehkan kehendak dan keperluan anggota koperasi dapat dipenuhi.

Pihak pengurusan koperasi sekolah juga didapati turut mengadakan kursus kepada anggota koperasi untuk menguruskan koperasi dengan betul (min =4.04) bagi melaksanakan prinsip kelima koperasi iaitu pendidikan, latihan dan matlamat. Ini dapat membantu anggota koperasi memahami peranan, hak dan tanggungjawab mereka dalam memajukan koperasi dan tidak meletakkan koperasi di bawah tanggungjawab ALK yang telah dipilih. Amin dan Ramezani (2008) mendapati bahawa kursus merupakan salah satu pembolehubah yang memberi kesan ke atas pencapaian koperasi. Manakala kajian sebelumnya (Bruynis et al., 2001) pula mengatakan bahawa latihan berterusan yang diberi kepada ALK dan jumlah bilangan kursus yang dihadiri akan memberi kesan terhadap pencapaian koperasi. Walau bagaimanapun terdapat kajian yang mendapati kebanyakan ALK kurang menghadiri kursus sedangkan kursus adalah penting untuk meningkatkan kemahiran dan kompetensi ALK dan anggota (Haji Ramlan Kamsin, 2009).

Hasil kajian juga mendapati pihak pengurusan koperasi sekolah mengamalkan prinsip keenam dan ketujuh koperasi iaitu bekerjasama antara koperasi dan prihatin terhadap masyarakat apabila ia menggalakkan anggota koperasi melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh koperasi lain (min = 3.96) dan memberi sokongan bagi setiap aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah dan jabatan luar (min=4.04). Ia selari dengan dapatan kajian yang mendapati koperasi cenderung mengagihkan untung bersih dengan mewujudkan tabung kebajikan anggota, tabung kebajikan am dan sebagainya sebagai tanda koperasi prihatin terhadap anggota dan komuniti setempat. Ahmad Marzuki (2004)

menyatakan bahawa ketiadaan kerjasama antara koperasi sekolah akan menyukarkan pemimpin koperasi mengenalpasti kelemahan sendiri dan tiada usaha untuk meningkatkan tahap pengurusan masing-masing yang menyebabkan perkhidmatan yang disediakan tidak berubah dan mengurangkan minat anggota untuk memberi kerjasama. Manakala pengabaian aktiviti berkaitan kemasyarakatan akan menyukarkan usaha mewujudkan masyarakat penyayang.

Dapatan kajian juga turut menolak hipotesis keempat apabila terdapat hubungan yang signifikan antara penerapan jati diri koperasi dengan kejayaan koperasi. Hipotesis diuji menggunakan ujian regresi linear mudah. Walau bagaimanapun hubungannya tidak begitu kuat kerana ia menyumbang sebanyak 29.4% ke atas kejayaan koperasi. Manakala 70.6% lagi dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti kepimpinan, tadbir urus, komunikasi, modal ruang dan sebagainya. Kajian terdahulu mengatakan bahawa faktor penentu pencapaian koperasi adalah bergantung kepada saiz, budaya keusahawanan, pengkalan kos operasi yang rendah, kepelbagaian aktiviti, menyediakan perkhidmatan berdasarkan keperluan anggota, pengalaman ALK, pendidikan anggota dan penglibatan anggota (Sushila Devi Rajaratnam, Nurizah Noordin et al., 2009).

Dapatan kajian mendapati bahawa kejayaan koperasi berada pada tahap sederhana dengan skor min 3.61. Hasil dapatan berada pada tahap sederhana kerana sebahagian daripada responden tidak pasti dengan ítem-ítem yang menentukan kejayaan koperasi sekolah. Keadaan ini mungkin wujud akibat ketidaksungguhan yang ditunjukkan oleh sesetengah pemimpin koperasi untuk menyusun strategi dan keengganan pihak pentadbiran sekolah memberi kerjasama dalam menjayakan aktiviti-aktiviti koperasi yang menyebabkan kebanyakan anggota koperasi sekolah tidak mengetahui hala tuju dan faedah berkoperasi. Ini tidak menghairankan kerana kebanyakan pihak pentadbiran sekolah melantik guru memegang jawatan setiausaha, bendahari dan guru koperasi pada awal tahun dan tidak

semasa Mesyuarat Agung Koperasi Sekolah diadakan. Ada juga di antara guru yang dilantik tidak menjadi anggota koperasi sekolah. Keadaan ini menyebabkan koperasi tidak mampu untuk memajukan koperasi kerana pihak pentadbiran kurang mahir dengan perundangan koperasi (Ahmad Marzuki, 2004).

Kejayaan koperasi berada pada tahap sederhana mungkin disebabkan kekurangan modal. Dapatan kajian mendapati pelajar membayar saham minimum kepada koperasi ($\text{min}=3.43$). Ia disokong oleh kajian sebelumnya yang menyatakan kebanyakan koperasi memperoleh sebahagian besar sumber dananya (83%) dari sumber dalaman (Hj Ramlan Kamsin, 2009). Kajian yang dibuat oleh Fauzi (2000) menjelaskan bahawa kebanyakan koperasi menghadapi masalah ketidakcukupan modal kerana sumber utama modal koperasi hanya diperoleh dari sumber dalaman khususnya melalui syer anggota, yuran dan untung terkumpul yang terhad. Ini tidak menghairankan kerana menurut Ahmad Marzuki (2004) kebanyakan pelajar hanya membeli saham minimum sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Ini disebabkan kebanyakan sekolah memasukkan yuran koperasi bersama dengan yuran persekolahan yang menyebabkan pelajar beranggapan bahawa yuran koperasi adalah sebahagian yuran persekolahan yang perlu dibayar oleh mereka. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak membuat penambahan pembelian syer koperasi kerana ketiadaan maklumat dari pihak sekolah.

Manakala dari aspek urusaniaga, didapati bahawa barang dan perkhidmatan yang ditawarkan hanya berbentuk keperluan pelajaran dan tiada kepelbagaian dalam aktiviti koperasi seperti dobi, pelancongan dsb. Dapatan kajian juga mendapati bahawa barang dan perkhidmatan di kedai koperasi tidak mengikut citarasa dan pilihan ahli ($\text{min}=3.48$)

Dari segi pengurusan didapati bahawa koperasi sekolah telah diurus dengan baik. Ini mungkin disebabkan koperasi sekolah sering mengadakan latihan dan kursus pengurusan

kepada anggotanya. Manakala dari aspek pengagihan dividen tahunan didapati mencukupi dan koperasi sentiasa memberi ganjaran dan penghargaan kepada anggota. Ini disokong oleh kajian yang mengatakan bahawa kebanyakan koperasi mengutamakan pengagihan untung bersih untuk memberi dividen atas modal syer anggota, mengagihkannya sebagai honorarium ALK dan mewujudkan wang tertentu (Hj Ramlan Kamsin, 2009).

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa penerapan jati diri koperasi mempunyai hubungan dengan kejayaan koperasi. Dapatan kajian mendapati bahawa kejayaan koperasi sekolah berada pada tahap sederhana kerana ketidakcukupan maklumat dan kefahaman pihak pentadbiran dan pengurusan sekolah mengenai undang-undang koperasi yang terangkum secara tidak langsung dalam jati diri koperasi. Ini menyebabkan pelaksanaan aktiviti koperasi tidak selari dengan semangat jati diri koperasi. Akibatnya koperasi sekolah tidak dapat mengembangkan aktivitinya kerana kekurangan modal, tiada penglibatan anggota secara sukarela dan barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan tidak memenuhi keperluan dan kehendak anggota. Oleh kerana identiti koperasi adalah anggotanya, maka anggota koperasi sekolah perlu diterapkan dengan semangat jati diri koperasi bagi membolehkan koperasi mencapai objektif penubuhannya.

5.4 Implikasi Dapatan Kajian

Jati diri koperasi merupakan faktor penting dalam membentuk anggota koperasi yang bertanggungjawab, berketrampilan dan berperibadi mulia sebagaimana yang dihasratkan dalam jati diri koperasi. Semangat kerjasama yang dibina dalam jiwa anggota koperasi diharap dapat membentuk generasi yang saling bekerjasama dalam membangunkan negara pada masa hadapan. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, maklumat ini amat berguna bagi pihak-pihak tertentu dalam usaha untuk menerapkan jati diri koperasi di kalangan anggota koperasi sekolah seperti :-

a) Sekolah

Dalam usaha untuk menerapkan jati diri koperasi di kalangan anggota koperasi sekolah dan menggerakkan koperasi sekolah, pihak pentadbiran sekolah dan pengurusan koperasi perlu memahami undang-undang koperasi dengan menghadiri kursus-kursus yang ditawarkan oleh JPK, MKM dan SKM. Pihak pentadbiran sekolah juga perlu memastikan bahawa pengurusan koperasi dijalankan mengikut tadbir urus koperasi bagi memastikan pengurusan koperasi mengikut perundangan dan jati diri koperasi. Bagi memastikan maklumat berkaitan koperasi dapat disampaikan dengan berkesan kepada anggota koperasi, pihak pentadbiran sekolah perlulah :

- i) Mewajibkan anggota baru mengangkat ikrar sebagaimana yang dikehendaki dalam undang-undang kecil koperasi (UUK)
- ii) Mewajibkan anggota baru menyertai kursus jati diri koperasi
- iii) Mewujudkan takwim koperasi sekolah
- iv) Mewujudkan buletin koperasi sekolah

b) Bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia

Usaha untuk mendedahkan pelajar dengan konsep jati diri koperasi perlukan pendekatan yang berkesan seperti menjadikan ia sebahagian daripada kurikulum sekolah. Sebagai contoh, tajuk yang berkaitan dengan jati diri koperasi boleh dijadikan tajuk khas dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup bagi pelajar menengah rendah iaitu tingkatan 1,2 dan 3. Manakala tajuk berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan koperasi boleh dimasukkan dalam sukatan matapelajaran ekonomi asas dan perdagangan bagi menengah atas, tingkatan 4 dan 5. Kerjasama dengan Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) dan Kementerian Pelajaran Malaysia perlu diadakan bagi memberi kursus

kepada guru mata pelajaran dalam memahami konsep jati diri koperasi dan tadbir urus koperasi. Ini dapat memantapkan lagi gerakan koperasi di Malaysia.

c) Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) / ANGKASA/ SKM

Sebagai sebuah badan yang bertanggung jawab memperkasakan gerakan koperasi di Malaysia, adalah menjadi tanggungjawab MKM dan ANGKASA untuk menyebarkan maklumat gerakan koperasi kepada anggota koperasi. Latihan, kursus dan bengkel perlu diberikan kepada setiap anggota baru supaya mereka faham akan tanggungjawab mereka sebagai anggota koperasi. Selain daripada itu SKM perlu menugaskan seorang pegawai untuk memantau gerakan koperasi di sekolah atau mewujudkan program koperasi angkat bagi setiap koperasi sekolah di setiap daerah.

5.5 Cadangan Kajian Masa Depan

Melihat akan kepentingan penerapan jati diri koperasi di kalangan anggota koperasi sekolah suatu kajian ke atas sekolah menengah harian biasa perlu dilakukan. Hasil dapatan dari kajian itu nanti dilihat lebih menyeluruh untuk melihat tahap penerapan jati diri koperasi sekolah berbanding dengan sekolah rancangan khas negeri. Sementelahan lagi bilangan sekolah harian biasa melibatkan populasi yang lebih besar dan kejayaannya merupakan pencapaian yang besar bagi gerakan koperasi sekolah di Malaysia.

Selain itu kajian ke atas pembentukan sahsiah anggota juga boleh dibuat bagi melihat hasil daripada kejayaan koperasi menerapkan jati diri koperasi di kalangan anggota koperasi sekolah. Hasil dapatan kajian itu nanti dapat dijadikan satu landasan untuk menggiatkan lagi aktiviti koperasi di sekolah atau menjadikan ia satu agenda Kementerian Pelajaran Malaysia dengan menerapkannya dalam kurikulum sekolah sementelahan ia selari dengan Falsafah Pendidikan Negara.

5.6 Kesimpulan

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pihak pengurusan koperasi sekolah telah berjaya menerapkan jati diri koperasi di kalangan anggota koperasi sekolah. Walaupun kajian ini tidak menilai kejayaan dari sudut keuntungan, pendapatan harian dan anugerah yang dimenangi tetapi kejayaan koperasi membina jati diri koperasi di kalangan anggota telah menunjukkan kejayaan koperasi sekolah mencapai objektif penubuhan koperasi.

Kajian juga mendapati bahawa kejayaan pengurusan koperasi menerapkan jati diri koperasi hanya merupakan sebahagian kecil faktor sahaja dalam memastikan kejayaan operasi koperasi sekolah. Ia tidak menghairankan kerana koperasi adalah sebuah organisasi yang terlibat dengan perniagaan. Oleh itu kejayaannya seringkali dinilai dari aspek operasi perniagaannya. Walau bagaimanapun, ia tidak bermakna penerapan jati diri koperasi di kalangan anggota koperasi tidak penting. Ini disebabkan objektif utama penubuhan koperasi ialah mewujudkan kerjasama dan sikap tolong-menolong antara anggota koperasi bukan sahaja dari aspek ekonomi tetapi dari aspek sosial. Oleh itu penerapan jati diri koperasi dilihat dapat membentuk anggota koperasi yang berketrampilan dari segi peribadi dengan menanamkan sikap kesetiaan, kejujuran, amanah dan bertanggungjawab dalam menjalankan tugas sebagai anggota koperasi. Secara tidak langsung, kejayaan pengurusan koperasi melalui kegiatannya akan meningkatkan perpaduan masyarakat sebagaimana yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Negara. Dengan memahami prinsip jati diri koperasi ini, anggota koperasi akan memantapkan lagi gerakan koperasi dengan memperbaiki kelemahan dan mengenalpasti kaedah yang terbaik untuk memajukan koperasi.

Justeru itu, kejayaan pengurusan koperasi sekolah menerapkan jati diri koperasi di kalangan anggota koperasi sekolah adalah penting bagi melahirkan koperator yang memahami matlamat gerakan koperasi dan menaikkan imej koperasi pada masa hadapan. Oleh itu, pendekatan yang bersepadu yang merangkumi semua aspek seperti ekonomi, sosial, pentadbiran dan pengurusan perniagaan koperasi sekolah perlu dilaksanakan. Untuk itu, program berbentuk pendidikan koperasi perlu diadakan bagi mendedahkan anggota dengan gerakan koperasi. Setelah itu, program pembangunan anggota perlu dilaksanakan bagi memotivasikan dan melibatkan anggota dengan aktiviti koperasi. Anggota koperasi perlu didedahkan dengan tadbir urus koperasi yang agak berbeza dengan perniagaan biasa bagi membolehkan mereka mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam operasi koperasi. Selain daripada itu setiap pandangan dan cadangan dari anggota yang berkaitan dengan permasalahan koperasi perlulah diberi perhatian supaya mereka rasa dihargai dan membuatkan mereka setia pada koperasi. Dengan ketelusan dan sokongan yang diberi bersama dengan semangat jati diri yang telah berjaya diterapkan dalam diri anggota akan melahirkan anggota koperasi yang sedia berkhidmat secara sukarela untuk koperasi. Keadaan ini juga akan melahirkan anggota yang sedia untuk menyumbang modal bagi kemajuan koperasi dan seterusnya menjadi korporator selepas alam persekolahan.

Bagi memastikan kejayaan penerapan jati diri di kalangan pelajar, perancangan yang rapi perlu dibuat oleh pihak pengurusan koperasi sekolah bagi memastikan kejayaan aktiviti yang dijalankan. Disamping itu penilaian terhadap tahap penglibatan dan ketrampilan anggota perlu dijadikan sebagai petunjuk pencapaian kejayaan pengurusan koperasi menerapkan jati diri koperasi selain daripada keuntungan dan anugerah yang diperolehi.

Sebagai sebuah negara yang satu-satunya mempunyai gerakan koperasi sekolah berbanding dengan negara lain yang hanya mendedahkan gerakan koperasi di peringkat pengajian tinggi sahaja (Berita Harian, 2010 Ogos 9) anggota koperasi sekolah ini perlu ditanamkan dengan semangat jati diri koperasi di peringkat awal lagi. Umpama melentur buluh, pendedahan awal dengan penglibatan yang aktif, bakal melahirkan generasi yang bertanggungjawab dan bekerjasama dari aspek sosial dan ekonomi. Oleh itu, usaha yang berterusan dalam memantapkan jati diri koperasi di kalangan anggota koperasi sekolah perlu dilakukan bagi melahirkan individu sebagaimana yang dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Negara. Ini kerana kejayaan gerakan koperasi bukan sahaja diukur dari aspek ekonomi tetapi dari aspek pembinaan sahsiah individu yang bertanggungjawab terhadap masyarakat, agama, bangsa dan negara. Justeru itu, kesungguhan Malaysia menggerakkan gerakan koperasi sekolah jelas dinyatakan dalam Petunjuk Prestasi Teras Strategik IV dalam Dasar Koperasi Negara 2011-2020 apabila 100% sekolah menengah akan mempunyai gerakan koperasi sekolah (Utusan Malaysia, 28 Ogos 2010).

RUJUKAN

- AB. Wahab b. Mat (1997). Faktor kekangan dalam kemajuan koperasi sekolah: satu kajian di sekolah-sekolah menengah dalam daerah Kubang Pasu, Kedah Darul Aman (Tesis Ijazah Sarjana Sains, Universiti Utara Malaysia).
- Ahmad Marzuki Ismail (2004). *Jati diri dalam gerakan koperasi sekolah*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd.
- Ahmad Marzuki Ismail (2004). *Panduan Asas Gerakan Koperasi Sekolah Malaysia*. Kuala Lumpur :Utusan Publication & Distributions Sdn Bhd.
- Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan peraturan-peraturan (hingga 25hb Januari 2003)*. (2003). Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Amini, A.M. and Ramezani, M. (2008). Investigating the success factors of poultry growers' cooperative in Iran's western provinces. *World applied sciences journal*, 5(1), 81-87.
- Boyer, D., Creech, H. and Pass, L. (2008). Critical success factors and performance measures for start-up social and environmental enterprises. Unpublished manuscript. International Institute for Sustainable development.
- Bruynis, C.L., Goldsmith, P., Hahn, D.E. and Taylor, W.J. (2001). Critical success factors for emerging agricultural marketing cooperative. *Journals of cooperation*, 16,14-24.
- Che Mahmud Bin Awang (1999). Koperasi sekolah : Aset atau liability (Kertas projek Ijazah Sarjana Sains, Universiti Utara Malaysia).

Dasar Koperasi Negara 2011-2020. (2010, Julai 28). *Berita Harian*, p.4

Hj. Ramlan Kamsin (2009, Julai). Dana Koperasi: Sumber dan kecenderungan penggunaan.

Malaysian journal of co-operative management, 5, 25-41.

Hussain, M., Gunasekaran, A. and Islam, M.M. (2002). Implications of non-financial

performance measures in Finnish banks. *Managerial auditing journal*, 17(8),452-463.

Inder Kaur. (2006).Performance measurement: An evaluation of cooperative performance in

Malaysia. *Malaysian journal of co-operative management*, 2, 1-17.

Integrasi koperasi sekolah perlu diwujudkan. Bil 2/2009. *Majalah Koperasi SKM*.m.s 47.

Ismail B Ibrahim (2007). *Kajian Persepsi pelajar aliran teknikal di salah sebuah sekolah*

menengah di Johar Bahru Johor terhadap bidang keusahawanan (Laporan ijazah Sarjana Muda Teknologi , University Teknologi Malaysia).

Jusamsuddin B. Safian (2008). Pengurusan strategik memacu koperasi kearah kegemilangan.

Dimensi 201-2008.

Kamus Dewan. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Kearah mengkoperasikan rakyat. (2010, Mac 7). *Utusan Malaysia*, p.16.

Kejayaan koperasi sekolah Malaysia dicontohi negara Asia: Muhyiddin.(2010, Ogos 9).

Berita Harian.

Malaysia mampu jadi model terbaik koperasi sekolah. (2010, Sept.29). *Utusan Malaysia*

Mohd Fauzi Mohd Jani. (2000). Cooperatives in Malaysia:Challenges and strategies for

competitiveness and community development. Paper presented at First ASEAN Co-operative Research Conferences 24-25 June 2000. Singapore.

Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Harun (2009, Disember). "Kesepakatan penting dalam pembangunan koperasi sekolah". Pelancar, 70-71.

Nunnally, J. C. and Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory*. New York: McGraw Hill

Prof. Madya Hj Mohamad Ali Hasan (2005). Jati diri koperasi pembentuk sahsiah murni pelajar. Kertas yang dibentangkan dalam Seminar Hari Koperasi Sekolah, pada 11 Jan. 2005, di Wisma Ungku Aziz, Kelana Jaya.

Rohayati bt Ismail (1996). Kejayaan pengurusan koperasi sekolah-sekolah menengah di Kubang Pasu Kedah Darul Aman: Satu analisis (Tesis Ijazah Sarjana Sains, Universiti Utara Malaysia).

Sabitha Marican. (2006). *Penyelidikan sains sosial pendekatan pragmatik*. Selangor: Edusystem Sdn. Bhd.

Shamsul Khairi Abu Hassan (2009, Januari). Transformasi pendidikan koperasi di Malaysia. *Dimensi Koop*, Bil 1/2009, 24-32.

Stephen P. Robbins (2000). *Organizational Behaviour*. Selangor. Prentice Hall.

Sushila Devi Rajaratnam, Nurizah Noordin, Mohd Shahron Anuar bin Said, Rafedah Juhan &

Farahaini (2009, Julai). Factors influencing the performance of cooperative in Malaysia : A tentative framework. *Malaysian Journal of Co-operative management*, vol.5, 43-61.

Wan Adlina Wan Ab Aziz (2009, Disember). Koperasi sekolah – Entiti sosio ekonomi pelajar. *Pelancar* , 8-11.